

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

"JIKA negara memenuhi etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insyaaAllah, apa jua yang dirancang dan diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat".
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2010.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Ra'd, ayat 11.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.44

SUBUH
4.54

SYURUK
6.17

DUHA
6.41

ZUHUR
12.14

ASAR
3.35

MAGHRIB
6.08

ISYAK
7.23

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 148

9 DISEMBER 2020 / ربيع الأخير 1442 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes yang akan menamatkan perkhidmatan. - Foto : Masri Osman (Lihat muka 3).



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 8 DISEMBER 2020, 5.00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN 152

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 147



www.moh.gov.bn



MINISTRY OF HEALTH,
BRUNEI DARUSSALAM



MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 22 Rabiulakhir 1442 Hijrah bersamaan 8 Disember 2020 Masihi, satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 152 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa Kes 152 ialah seorang lelaki berumur 39 tahun yang tiba di NBD dari Kuala Lumpur,

Malaysia pada 27 November 2020 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874.

Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada ketika ini berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (contact tracing) bagi kes ini mendapati enam orang kontak terdekat bagi kes ini di mana ujian awal menunjukkan kesemua mereka adalah negatif bagi COVID-19.

Tambah Yang Berhormat lagi, dengan pengesanan kes ini, terdapat dua kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan manakala jumlah kes yang disahkan sembuh ialah sebanyak 147 orang.

Ke muka 3

Berita Utama



PERASMIAN Central Kitchen,
penjenamaan semula
RBC Muka 4



INDUSTRI akuakultur
berkembang pesat Muka 28

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Tingkatkan kesedaran, kesiapsiagaan mengenai risiko bencana

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

KITA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah dan rahmat-Nya kita sama-sama dapat hadir di Majlis Forum dan Bengkel Peranan Belia Dalam Pengadaptasian Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana (Climate Change Adaptation and Disaster Risk Reduction) (CCA dan DRR) kali pertama anjuran Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).

Tidak juga lupa diucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Urusetia Perubahan Iklim Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam dan Disaster Preparedness Coordinator Siri 1 di atas sokongan yang diberikan yang mana ia mencerminkan kepentingan usaha bersepadu Agensi-Agensi berkenaan dalam sama-sama memastikan pengurangan risiko bencana.

Selaku warga dunia, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari berhadapan dengan berbagai bencana alam. Keadaan iklim dan cuaca yang tidak dapat dijangkakan pada masa ini adalah suatu cabaran. Salah satu cara mendekatinya ialah menerusi kesiapsiagaan negara dalam membasmi risiko-risiko kejadian bencana seperti kemarau, hujan berpanjangan dan gegaran bumi dan sebagainya. Tanggung jawab ini tidak terletak kepada kerajaan sahaja, malah perlu adanya penglibatan masyarakat dan semua pihak berkenaan.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melindungi negara kita dari bencana alam yang besar. Walau bagaimanapun, kita hendaklah sentiasa meningkatkan kesiapsiagaan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini supaya sentiasa terjamin dengan menggunakan pendekatan Whole of Nation Approach. Alhamdulillah, forum dan bengkel ini merupakan komitmen dan inisiatif berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan orang ramai mengenai risiko bencana dan juga pentingnya penglibatan para belia dalam kesiapsiagaan bencana dan melaksanakan program dan projek berkaitan CCA dan DRR.

Saya ingin mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada para belia dan sukarelawan belia di atas sumbangan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Forum juga Bengkel Peranan Belia dalam Pengadaptasian Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana (Climate Change Adaptation - CCA and Disaster Risk Reduction - DRR) pada Rabu, 2 Rabiulakhir 1442 Hijrah bersamaan 18 November 2020 Masihi di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

mereka semasa negara mengalami banjir. Ini menunjukkan bahawa belia kita adalah belia yang berkualiti, aktif dan ligat dan giat mengisi waktu dengan aktiviti-aktiviti berkebakaran.

Negara Brunei Darussalam sering menghadapi kejadian banjir, tanah susur, angin kencang dan kebakaran pada setiap tahun. Kerana adanya perubahan iklim, Negara juga menerima impak keadaan cuaca yang tidak menentu dan menjadikan kejadian-kejadian seperti ini berintensiti tinggi serta berpanjangan dan berlaku pada waktu yang tidak dijangkakan. Inilah suatu cabaran yang kita perlu hadapi dan perlu menguji cuba sejauh mana kesiapsiagaan negara menghadapi impak daripada keadaan ini.

Forum dan bengkel hari ini dan esok akan memfokuskan kepada warga belia, agar warga belia dapat sama-sama membincangkan peranan tindakan sebelum, semasa, dan selepas kejadian bencana dengan mengambil kira pengurangan risiko bencana dan pengadaptasian perubahan iklim. Penglibatan belia dalam bencana adalah sebagai agen atau *key player* dalam mempromosikan pengadaptasian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana melalui program, projek dan aktiviti berkaitan. Saya berharap dengan mengikuti forum dan bengkel ini, para

belia sama ada daripada individu, badan dan organisasi bukan kerajaan (NGOs) akan lebih peka dan mengetahui kepentingan melaksanakan program, projek dan aktiviti, meneruskan projek-projek dukungan ke arah CCA dan DRR di sepanjang tahun serta menghasilkan resolusi ke arah membantu mencapai masyarakat yang lebih berdaya tahan.

CCA dan DRR ini juga adalah dua elemen yang telah dibincangkan dalam institusi, badan-badan dan organisasi berkaitan di peringkat global, rantau dan kebangsaan bagi membantu negara-negara dalam mengurangkan dan mengelak kesan global dan perubahan iklim. Dalam hal ini, bagi rantau ASEAN, dasar-dasar berkaitan dengan CCA dan DRR diintegrasikan dan disenaraikan dalam Program Utama yang ke-3 dalam ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) Work Programme 2016 - 2020 di mana objektif ialah 'Advancing ASEAN Community that is safe, resilient to disasters, and adaptive to climate change with youth and good governance at the centre'. Mengambil kira perkara tersebut dan komitmen kita untuk sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035, negara kita akan sentiasa berganding bahu bagi sama-sama menangani cabaran-cabaran alam sekitar melalui mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.

Kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian kepada mangsa yang terjejas dari kesan bencana di negara ini dengan menghulurkan bantuan sama ada dari segi tempat tinggal sementara, keperluan harian, kewangan dan sokongan-sokongan lain demi untuk menjaga kebaikan dan kesejahteraan mereka. Mengambil kira banjir yang sering terjadi di negara kita, Alhamdulillah pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif dan projek infrastruktur pengurangan banjir bagi mengurangkan risiko banjir terutama sekali di Daerah Tutong dan Daerah Belait. Walau bagaimanapun, kita tidaklah boleh bersifat leka atau *complacent*. Di dalam kajian NDMC, tahun 2018 mendapati bahawa hanya tujuh peratus masyarakat yang bersedia menghadapi kejadian bencana. Peratus ini dianggap rendah yang menggambarkan masyarakat belum lagi bersedia sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang di luar jangkaan di negara ini kesan daripada perubahan iklim dan pemanasan global.

Ke muka 8

Dari Sidang
Pengarang.

9 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 ربيع الآخر 23

KESELAMATAN DIUTAMA, EKONOMI DIJANA

SESI cuti persekolahan telah bermula, di mana pastinya pelbagai aktiviti diaturkan bersama anak-anak dalam mengisi masa lapang mereka. Oleh itu, walau apa pun yang dicadangkan atau diaturkan bersama, pastikan keselamatan diutamakan.

Semasa melakukan perjalanan dalam atau ke luar daerah misalnya, pastikan kenderaan yang digunakan adalah dalam keadaan selamat. Pastikan kenderaan dalam keadaan baik, lampu dan lampu isyarat kenderaan berfungsi, tayar masih dapat digunakan dan had kelajuan di jalan-jalan dipatuhi.

Jangan lupa untuk memperbaharui lesen kenderaan dan lesen memandu awda jika mansuh sebelum membuat perjalanan melalui perkhidmatan kaunter atau aplikasi TransportBN. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak insurans dan pihak berkenaan di negara ini dalam memastikan kemudahan para pengguna diutamakan dan segala peraturan semasa wabak COVID-19 dipatuhi jua.

Selain itu, jika awda menggunakan moto sangkut, pastikan jaket keselamatan yang disediakan oleh pihak pengusaha atau pemandu moto sangkut dipakai sepanjang perjalanan.

Dalam pada itu, para pengusaha pegangkutan awam juga perlu memastikan kenderaan mereka adalah dalam keadaan selamat. Keselamatan para penumpang adalah tanggungjawab para pengusaha dan pemandu kenderaan berkenaan.

Sama-samalah kita menjaga keselamatan di jalan raya atau laut dengan meningkatkan kewaspadaan bersama, bertolak ansur, berbudi bahasa dan jangan mementingkan diri sendiri semasa memandu. Ingat akan orang yang tersayang juga hak orang lain sebagai pengguna bersama. Kita bukan hanya bertanggungjawab akan keselamatan diri sendiri, bahkan keluarga juga orang sekeliling kita.

Semasa suasana wabak COVID-19 yang dihadapi kini, pintu-pintu sempadan masih ditutup dan ini memberikan kesempatan kepada kita di negara ini untuk membantu dan sama-sama menaikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan berbelanja di negara sendiri.

Ia bukan sahaja membantu memulihkan ekonomi para pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bahkan juga membantu ekonomi para pengusaha dalam negara kita untuk berkembang dan memberikan peluang pekerjaan kepada para anak tempatan kita yang masih mencari peluang pekerjaan.

Di samping itu, ia juga memberikan peluang kepada para pengusaha tempatan memperkembangkan perniagaan, usaha dan kepelbagaian produk masing-masing, selain menambah pendapatan mereka melalui kepelbagaian produk dan kreativiti yang dihasilkan.

Dalam hal ini, kita bukan sahaja membantu mereka secara langsung, bahkan memberikan ruang kepada para pengusaha baharu untuk sama-sama berkecimpung dalam PKS. Ia juga memberikan ruang kepada mereka untuk mencari pendapatan tambahan dan persaingan sihat dalam perniagaan.

Keselamatan tetap diutamakan, walau di mana kita berada, walau ke mana hala tuju kita, walau apa yang kita lakukan juga, pastikan keselamatan bersama sentiasa, walau niat untuk berehat berjalan bersama keluarga atau kawan cuma, pastikan keselamatan kita, keluarga juga orang sekeliling kita tetap terjaga.

Ekonomi PKS dapat dijana, walau perlahan pasti ada juga, Alhamdulillah saling membantu sesama kita jua, sama-sama membantu memajukan usaha, ekonomi, pendapatan sesama, melalui sokongan pada hasil produk mahupun kreativiti para pengusaha tempatan kita, semoga segala usaha mereka akan terus berjaya, sama-sama menjayakan hasrat Wawasan Brunei 2035 kita. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
DANDAR SERI BEGAWAN		
32 25 °C	31 26 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 26 °C	31 25 °C	32 26 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C

Wallaahuallam Bissawab
Jabatan Kajiucua
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	RABU	23	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.23
10	KHAMIS	24	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	JUMAAT	25	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.23
12	SABTU	26	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	AHAD	27	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	ISNIN	28	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	SELASA	29	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.11	7.25

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC 2380214

DPMM berkenan menerima mengadap

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi, berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Marcal Avelino Ximenes yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Februari 2017.

Turut hadir ialah Timbalan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam, Mrs. Cristiana Gloria.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima pesambah daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam.



COVID-19 : 1 kes baharu disahkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dari muka 1

"Setakat ini, sebanyak 11 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 di mana dengan ini, NBD mencatatkan 216 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19,"

ujar Yang Berhormat.

Pada hari ini, seramai 613 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Setakat ini, seramai 9,041 orang menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 101 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 78,564 ujian.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika berasa kurang sihat, tidak menghadiri diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Sebagaimana peruntukan di

bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari semasa ke semasa.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

garis pandu Piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk air bersih. Ujian makmal bagi tahap warna, pH, kekeruhan, chlorine dan sebagainya akan dilakukan setiap dua jam setiap hari.

Dalam situasi ini, dengan kadar kekotoran air yang secara purata lebih banyak daripada kebiasaannya, kolam-kolam pemendapan dan tapisan memerlukan penyucian yang lebih kerap dan ini menyebabkan berkurangnya penghasilan air bersih dari loji-loji.

Walau bagaimanapun, JKR meningkatkan usaha untuk menangani isu ini selain daripada meningkatkan usaha rawatan di loji-loji dengan melaksanakan pelbagai kerja-kerja operasi seperti mencuci tangki-tangki simpanan air; mengimbangi penyaluran air ke tangki-tangki simpanan air dan *flushing* air melalui pili-pili bomba ke atas rangkaian paip pembahagian air di kawasan-kawasan yang terjejas.

JKR juga ingin menasihati orang ramai terutamanya yang mempunyai tangki rumah dan penapis air persendirian untuk memastikan peralatan tersebut sentiasa dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* dan *backwashing*.

Tangki dan penapis air persendirian yang lama tidak dibersihkan boleh menyebabkan air yang digunakan di dalam rumah berubah warna walaupun keadaan bekalan air dari luar bersih.

Sehubungan itu, JKR ingin menasihati orang ramai supaya memasak air sebelum digunakan untuk masakan atau minuman sebagai langkah berjaga-jaga tambahan dan memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

JKR juga ingin mengambil peluang untuk sekali lagi memohon maaf atas perkara ini dan berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai yang terlibat.

Air kuning : Kualiti air mentah tidak konsisten

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan bahawa isu warna air yang kekuningan dikebanyakan tempat pada lazimnya adalah disebabkan oleh kualiti air mentah yang tidak konsisten yang mempunyai tahap warna, kekeruhan (*turbidity*) yang tinggi dan pH air yang rendah. Walau bagaimanapun, ia adalah

berkurangan pada waktu ini.

Kekeruhan air mentah dari sungai ini kerap berubah mengikut perubahan cuaca.

Situasi seperti kemarau pada musim panas dan banjir pada musim hujan adalah antara faktor yang menyebabkan kualiti air untuk mengalami perubahan ketara.

Selain itu, kualiti air juga terjejas disebabkan oleh hujan yang lebat atau air yang lama bertakung di

kawasan tadahan (*water catchment*) di mana boleh menyebabkan perubahan atau peningkatan kandungan komposisi mineral di dalam air mentah, seperti *iron*, aluminium, *sulfide* dan *manganese*.

Situasi ini sering berlaku apabila air yang telah lama bertakung tersebut mula turun ke sungai dan ini boleh menyebabkan air mentah berbau dan menyebabkan ia lebih sukar untuk dirawat.

Perkara ini memerlukan pengawasan dan rawatan yang lebih terperinci terutama dos kimia-kimia yang digunakan di dalam rawatan air adalah pada

tahap yang optimum bagi menangani kualiti air mentah pada masa itu.

Selain kimia yang lazimnya digunakan di dalam rawatan air seperti kapur (Calcium Carbonate) dan tawas (Aluminium Sulphate), kimia tambahan juga digunakan untuk membantu proses pengentalan kekotoran di dalam air (*flocs*) di kolam-kolam pemendapan (Sedimentation Tanks) seperti *sodium sluminate* dan *polymer*.

Loji-loji rawatan air akan sentiasa berusaha untuk mengawas dan memastikan kualiti bekalan air agar sentiasa mencapai parameter

Perasmian Central Kitchen, penjenamaan semula RBC



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Perasmian Central Kitchen (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan meninjau dengan lebih dekat hidangan yang disediakan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

LAMBAK, Isnin, 7 Disember. - Royal Brunei Catering Sdn.Bhd. menempa satu lagi pencapaian penting dengan pembukaan Central Kitchen yang moden dan terkini, bakal menjadi kemudahan terbesar seumpamanya di Negara Brunei Darussalam.

Perasmian Central Kitchen yang terletak di Kawasan Perindustrian Lambak Kanan Barat itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir sebagai tetamu khas ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis pembukaannya diselenggarakan dengan penjenamaan semula identiti dan logo baharu syarikat berkenaan yang kini dikenali sebagai Royal Brunei Culinary (RBC).

Penjenamaan semula itu mencerminkan visi tinggi RBC untuk menyediakan perkhidmatan kuliner berkualiti tinggi dan penyediaan makanan yang benar-benar menepati Cita Rasa Brunei Moden (Taste of Modern Brunei).

Bentuk aroma yang elegan pada logo baharu RBC mencerminkan asas dan hubungan mendalam kuliner RBC dengan Warisan

Brunei.

Kemudahan seluas 110 ribu kaki ini akan menggabungkan operasi pejabat dan dapur korporat RBC untuk segmen penjagaan kesihatan, syarikat penerbangan dan perniagaan runcitnya.

Dalam sedikit masa lagi, Central Kitchen ini juga akan menjadi kemudahan yang diiktiraf sebagai Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), di mana ia akan mampu mengandungan kapasiti pengeluaran RBC dan meningkatkan kecekapan operasi, membolehkan syarikat tersebut memenuhi peluang pertumbuhan masa depan sehingga meningkatkan daya saing RBC kepada pelanggan domestik dan antarabangsa.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Urusan RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial menjelaskan bahawa dengan perasmian Central Kitchen ini, RBC membuka kapasitinya dan ia adalah kunci kepada rancangan pertumbuhan dan pengembangan RBC.

Kemudahan baharu ini, tambahnya, melengkapkan RBC

YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri) dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) merasmikan penjenamaan semula identiti dan logo baharu Royal Brunei Culinary (RBC) (kiri). Manakala gambar bawah, RBC yang menyediakan perkhidmatan kuliner berkualiti tinggi dan penyediaan makanan yang benar-benar menepati cita rasa Brunei moden.



dengan kemampuan yang lebih besar untuk memenuhi permintaan masa depan.

"Beroperasi sepanjang masa, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, 365 hari setahun, kami yakin, sudah bersedia untuk pertumbuhan yang akan datang. Dan adalah tugas dan tanggungjawab kami, untuk memastikan bahawa semua yang keluar dari sini mampu memberikan pengalaman kuliner terbaik bagi pengguna Brunei," ujarnya.

Central Kitchen ini, tambahnya, akan membolehkan RBC meningkatkan kreativiti dan inovasinya memandangkan RBC akan mempunyai tumpuan kuliner terbesar di negara ini yang dikumpulkan di bawah satu bumbung.

Majlis juga menyaksikan papan tanda baharu untuk kemudahan Central Kitchen dan pakaian seragam terkini para cef yang bersesuaian dengan konsep moden.

RBC adalah syarikat di bawah bidang kuasa Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan merupakan penyedia perkhidmatan kuliner premium dan makanan di negara ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, yang juga selaku Pengerusi RBC, pegawai-pegawai kanan kerajaan, Ahli Lembaga Pengarah RBC serta Pegawai-pegawai Kanan Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan RBC.





كمتريڤن كصڤحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi



Kolesterol tinggi



Kencing manis



Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-49 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus), dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-49 tahun; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara, dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 20-49 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



Doa Kesyukuran sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa (atas dan kanan).



BERAKAS, Isnin, 7 Disember. - Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena Hari

Penerbangan Awam Antarabangsa yang disambut setiap 7 Disember.

Majlis tersebut diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) di sini yang turut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penerbangan awam antarabangsa dalam perkembangan sosial dan ekonomi sesebuah negara dan peranan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dalam membantu merealisasikan penerbangan awam antarabangsa sebagai jaringan Global Rapid Transit.

Tema Hari Penerbangan Awam Antarabangsa bagi tahun ini ialah 'Advancing Innovation for Global

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Aviation Development'.

Negara Brunei Darussalam selaku ahli kepada badan ini mendukung aspirasi ICAO iaitu ke arah meningkatkan inovasi penerbangan melalui pendekatan penilaian peraturan yang responsif dan dinamik yang dihasratkan akan mendorong perkembangan baharu dan mempercepat penyelarasan (*harmonization*) sektor penerbangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap MTIC, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan dan autoriti di bawahnya serta agensi-agensi berkepentingan di LTAB.

Juga hadir ke majlis tersebut ialah mantan-mantan Pengarah

Penerbangan Awam.

Terdahulu majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Imam Surau LTAB, Awang Mohd. Alihan bin Abusamah. Majlis juga diselenggarakan dengan bacaan Surah Yaa Siin.

Sementara itu, bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh mantan Imam Surau LTAB, Pengiran Haji Md. Ismail bin Pengiran Haji Tuah dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Imam Surau LTAB bagi sama-sama memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan serta kesejahteraan perkhidmatan udara dan komuniti penerbangan awam. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

UBD terima sumbangan buku

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Isnin, 7 Disember. - Dalam usaha untuk mempromosikan persefahaman antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China (China) khususnya dalam kalangan generasi muda, sebanyak 307 buah buku merangkumi pelbagai topik disumbangkan kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Majlis penyerahan sumbangan



berlangsung di Business Library, UBD dan disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong yang kemudian diterima oleh Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Dalam ucapannya, Puan Yang Terutama berharap buku-buku dan video yang disumbangkan akan dapat membantu para penuntut dan tenaga pengajar untuk mendapat pemahaman yang lebih komprehensif dan mendalam mengenai China, yang juga terkandung beberapa pencapaian terkini saintifik dan teknologi di China.

PYT seterusnya mengongsikan beberapa kemajuan dalam

hubungan dua hala dan kerjasama erat antara UBD dan China sejak beberapa tahun kebelakangan seperti beberapa graduan UBD mendapat biasiswa untuk belajar di China dan Hengyi Industries Sdn. Bhd. berganding bahu dengan UBD dan Universiti Zhejiang bagi program yang diperlukan oleh pembangunan industri hiliran di NBD.

Dalam ucapan PYT juga menyentuh mengenai kunjungan mantan Premier of State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wen Jiabao ke UBD semasa lawatannya ke NBD sempena Ulang Tahun Ke-20 hubungan diplomatik antara NBD dengan China pada tahun 2011.

"Pada tahun hadapan, kita akan meraikan Ulang Tahun Ke-30 dan China akan memulakan rancangan '14th Five-Year Plan and implement Long Range Objectives Through the Year 2035'. Saya mempercayai bahawa dengan usaha dan kerjasama antara kedua-dua buah negara, matlamat objektif The goal of China's 2035 dan Wawasan Brunei 2035 akan dapat dicapai," jelas PYT lagi.

Terdahulu, Penolong Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean dalam ucapan alu-aluan berkata bahawa UBD kini bekerjasama dengan 13 universiti di China termasuk



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) (kiri) menerima sumbangan buku daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.


Universiti Zhejiang, Universiti Peking dan Universiti Tsinghua serta di bawah Network of ASEAN-China Academic Institutes (NACAI) malah UBD juga bekerjasama dengan Universiti Fudan dalam jurusan akademik.

UBD juga, tambahnya, mempunyai kerjasama universiti-industri tiga pihak dengan Universiti Zhejiang di China dan Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar dalam Program

Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Kimia dan Proses).

Sumbangan buku yang meliputi pelbagai topik termasuk sejarah China, kajian budaya dan warisan, kesusasteraan, perubahan tradisional dan perniagaan tersebut sejajar dengan kerjasama akademik yang erat antara UBD dan institusi pendidikan tinggi di China, selain akan memperkaya sumber sastera Perpustakaan UBD mengenai China.

PENOLONG Naib Canselor UBD Profesor Madya Dr. Joyce Teo Siew Yean menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis berkenaan.



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan anugerah kepada salah seorang penerima pada Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Anugerah Akademik bersempena Majlis Konvokesyen Ke-10 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).



Graduan KUPU SB diraikan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari ini mengadakan Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Anugerah Akademik bersempena Majlis Konvokesyen Ke-10 KUPU SB bertempat di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti berkenaan.

Seramai 11 graduan terbaik dalam program masing-masing menerima anugerah dekan iaitu graduan terbaik dalam Program Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah (pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua), Muhammad Adi Adham bin Ramlan; graduan terbaik dalam Program Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah, Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop; graduan terbaik dalam Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Tahun 1, Sinnadatul Bibiana binti Ali; graduan terbaik dalam Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Tahun 2, Dayang Zahrah binti Haji Zaini; graduan terbaik dalam Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Tahun 3, Awang Muizuddin bin Mohammad; graduan terbaik dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama dengan *minor* Tahun 1, Dayang Nurul Jaharah binti Johari, Nur Khairunisa Najibah U'mar.

Seterusnya, graduan terbaik dalam Program Sarjana Muda

Perguruan Ugama dengan *minor* Tahun 2, Dayang Umi Rashidah binti Sabli; graduan terbaik dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama dengan *minor* Tahun 3, Dayang Nabillah binti Johari; graduan terbaik dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama dengan *minor* Tahun 4, Awang Abdul malek Al-Amin bin Janaji dan graduan terbaik dalam Diploma Pengajian Kitab Turath Tahun 1, Nurul Zaimah binti Haji Mohidin.

Selain itu, seramai 26 peserta Bengkel Lughahal-Mua'allim Ke-4 anjuran Pusat Bahasa, KUPU SB terdiri daripada guru-guru Sekolah Arab di seluruh negara turut menerima sijil mereka dalam majlis tersebut. Bengkel tersebut diadakan bermula 12 Februari dan dilanjutkan ke 4 November 2020 lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan isteri.

Acara juga diselenggarakan dengan penyerahan Wakaf Tarbiyyah daripada graduan Konvokesyen Ke-10 termasuk tujuh tikar sembahyang, dua unit *presentation pointers*, seunit *wireless microphone*, dua rak buku dan beberapa barang kelengkapan surau serta diterima oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Selesai daripada penyampaian anugerah, sijil dan wakaf, acara dilanjutkan dengan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom dan seterusnya dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran mulai Surah Ad-Duha hingga Surah Al-Masad beramai-ramai oleh para graduan.

Setelah selesai bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, bacaan Takhtim, Doa Khatam dan Dikir Marhaban dibacakan secara beramai-ramai. Acara diteruskan dengan tayangan video semasa Majlis Konvokesyen Ke-10 KUPU SB dan juga video Bengkel Lughahal-Mua'allim Ke-4.

Majlis ditutup dengan acaan Doa Kesyukuran oleh Pensyarah Fakulti Syariah KUPU SB, Awang Azman bin Haji Kassim. Majlis ini diadakan bagi meraikan graduan yang menamatkan pengajian di KUPU SB dengan menzahirkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas kejayaan yang diraih.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Ra'es, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Pemangku Penolong Ra'es, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB.

Seramai 251 graduan menerima sijil dan diploma dalam program bidang masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-10 KUPU SB yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baru-baru ini.

Pelajari kemajuan, kejayaan MPK Sungai Bunga



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa mengetahui rombongan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim Bokok dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Zon 2, Daerah Temburong mengadakan Lawatan Kerja ke MPK Sungai Bunga.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Rombongan seramai 42 orang Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim Bokok dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Zon 2, Daerah Temburong pagi tadi mengadakan Lawatan Kerja ke MPK Sungai Bunga.

Rombongan diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Sabtu, Penghulu Mukim Bokok.

Turut hadir menyertai rombongan ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Batu.

Ketibaan rombongan di Pusat

Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, MPK Sungai Bunga dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh serta Ahli-ahli MPK Sungai Bunga.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Zaini antara lain mengongsikan mengenai aktiviti, pencapaian dan produk-produk yang diusahakan oleh MPK Sungai Bunga di mana mereka mempunyai dua jenis produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) iaitu pemprosesan makanan laut, keropok ikan, udang, sotong dan makanan tradisional serta perkhidmatan pelancongan.

Beliau turut menyatakan bahawa

Kampung Sungai Bunga merupakan satu-satunya kampung yang menawarkan perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti.

Sementara itu, dalam ucapan balas oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran menyatakan antara tujuan lawatan rombongan tersebut ialah untuk melihat dan mempelajari lagi kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh MPK Sungai Bunga untuk diterapkan bagi MPK-MPK di Daerah Temburong.

Pada lawatan tersebut, rombongan berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi pemprosesan dan pembuatan Keropok Udang, Kuih Sapit dan juga Taufu fah dan dialu-alukan untuk ikut serta memproses dengan mengikuti Standard Operating Procedure yang ditetapkan.

MPK Sungai Bunga melalui Biro Ekonomi dan Pelancongan dan Biro Wanita dan Kotej Industri MPK Sungai Bunga aktif menyediakan pakej-pakej lawatan singkat dan program inap desa kepada pelancong-pelancong dalam dan luar negeri.

Dalam era pandemik COVID-19 ini, MPK Sungai Bunga menggalakkan melancong di dalam negeri melalui promosi-promosi yang sedang giat dijalankan pada masa sekarang bagi mengekang penularan virus tersebut di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Program Lawatan Singkat (Day trip) yang diunkayahkan oleh MPK Sungai Bunga antaranya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

bertujuan bagi menyokong promosi melancong di dalam negara yang giat dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Di samping itu, orang ramai boleh melihat lebih dekat dan berkongsi pengalaman

bagaimana mengerakkan aktiviti ekonomi bagi sesebuah mukim dan kampung khususnya mengusahakan projek 1K1P.

Dalam masa yang sama juga mengenal lebih dekat keindahan kampung-kampung yang terdapat di NBD lebih-lebih lagi yang giat mengusahakan perkhidmatan pelancongan yang menjadi keunikan yang mampu menarik pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara.



ROMBONGAN menyaksikan lebih dekat aktiviti cara-cara pembuatan makanan.

1,885 graduan IBTE diraikan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



YANG Mulia Pemangku Menteri Tenaga semasa berucap Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-28.

BERAKAS, Isnin, 7 Disember. - Seramai 1,885 graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-28 pada tahun ini yang terdiri daripada para pelajar yang menamatkan Program - program Diploma, HNTec dan NTec.

Sehubungan itu, Majlis Konvokesyen yang diadakan petang tadi melibatkan seramai 258 graduan sivil Diploma dan HNTec, yang terdiri daripada graduan yang menamatkan pengajian di Brunei Maritime Academy (BMA), IBTE School of Agro-Technology and Applied Sciences dan IBTE School of Aviation.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil pada hari pertama Majlis Konvokesyen tersebut ialah Pemangku Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Majlis Konvokesyen tersebut berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Atur cara dimulakan dengan



bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar dari IBTE School of Energy & Engineering Central, Awang Muhammad Nurbazli bin Haji Abdul Mustafah.

Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Awang Zamri bin Haji Sabli selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapannya menjelaskan, terdapat beberapa pencapaian yang telah dicapai oleh IBTE sepanjang tahun 2020.

Salah satu daripadanya adalah pelajar-pelajar kohort pertama yang menjalani pengajian dalam HNTec in Agrotechnology (Industri Padi) berjaya menghasilkan lebih kurang 72 tan padi, iaitu jumlah keseluruhan sepanjang musim pertama dan kedua penuaian, tambahnya.

"Projek penanaman padi ini adalah projek AgroBiz, iaitu hasil kolaborasi bersama LiveWIRE Brunei. Alhamdulillah, pelajar-pelajar ini juga akan sama-sama menerima sijil mereka di Majlis Konvokesyen kali ini.

"Satu lagi pencapaian yang membanggakan IBTE, adalah dengan penubuhan TVET Academy yang menyediakan program latihan guru dan kursus perkembangan profesional untuk tenaga pengajar dalam pendidikan teknikal dan vokasional, khususnya bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan latihan," terangnya.

Berdasarkan Laporan Tahunan IBTE 2020, beliau seterusnya menjelaskan bahawa beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya.

Ini, termasuk peningkatan jumlah kemasukan pelajar baharu bagi pengambilan Januari dan pengambilan Julai, peningkatan peratus pelajar yang mendapat pekerjaan enam bulan selepas tamat mengikuti program IBTE dan peningkatan kadar kepuasan majikan terhadap prestasi kerja para graduan, tambahnya.

Beliau berkata, pelbagai perancangan telah disusun bagi

PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Awang Zamri bin Haji Sabli selaku Pengerusi Majlis semasa berucap (kiri). Manakala gambar bawah, antara graduan yang diraikan.

tahun 2021 yang akan datang, antaranya ialah beberapa program yang berbentuk modular akan diperkenalkan oleh IBTE bagi tujuan untuk memberi peluang kepada para pemohon yang ingin meningkatkan dan menaiktaraf kemahiran dan latihan (*upskilling and reskilling*) dengan pendekatan yang lebih fleksibel.

Selain itu, jelasnya, perancangan telah dibuat untuk menambah baik prasarana IBTE agar dapat meningkatkan kadar kemasukan pelajar dan menambah lebih banyak lagi program-program baharu yang akan ditawarkan.

Yang Mulia Pemangku Menteri Tenaga dalam ucapannya menjelaskan, beliau difahamkan bahawa mulai Januari 2021, pihak IBTE akan menjalankan beberapa program baharu yang digelar iSkills, iaitu kursus kemahiran untuk memenuhi keperluan industri, khususnya Industri Minyak dan Gas dalam jurusan *top 5 skills*, iaitu welding, marking fitting, scaffolding, painting dan blasting.

"IBTE juga akan bekerjasama dengan pihak industri yang lain bagi merancang program-program di bawah sektor-sektor berkenaan.

"Saya seterusnya menyeru IBTE untuk terus memperbaiki kaedah pembelajaran dan pendedahan para graduan ke dunia pekerjaan. Dalam hal ini, amatlah penting bagi menambah serta meningkatkan tenaga pengajar yang benar-benar berkualiti untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti tinggi dan berkemahiran.

"Ini, termasuklah menyediakan kemudahan-kemudahan teras untuk memberi latihan yang berkualiti dan menepati piawaian yang diperlukan agar mereka dilatih sehingga menjadi *industry ready* dan membolehkan mereka terus memasuki pasaran kerja," jelas Yang Mulia.

Mengenai pelancaran Buku Pelan Strategik IBTE, 2019-2024 yang dilancarkan pada majlis berkenaan, Yang Mulia seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menghasilkan Buku Pelan Strategik IBTE berkenaan.

"Pelan Strategik IBTE 2019-2024 ini dihasratkan untuk mencapai tiga matlamat utama, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran yang berkualiti; Urus tadbir yang mampan; dan Kerjasama strategik secara berkesinambungan bersama industri, masyarakat dan rakan antarabangsa.

"Saya amat berharap dengan adanya pelan strategik ini, akan dapat memberikan panduan dan hala tuju kepada seluruh warga IBTE dalam mencapai matlamat yang dikehendaki," tambah Yang Mulia lagi.

Yang Mulia Pemangku Menteri Tenaga seterusnya mewakili Lembaga Pengelola IBTE mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang diraikan.

Majlis diteruskan lagi dengan upacara pelancaran Pelan Strategik IBTE oleh Yang Mulia Pemangku Menteri Tenaga, diikuti dengan penyampaian sijil-sijil Diploma Level 5 kepada empat orang pelajar dan HNTec kepada 254 orang pelajar; penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik (Best Student Award) kepada Michelle



YANG Mulia Pemangku Menteri Tenaga semasa menyampaikan sijil kepada graduan.

Selos anak Anthony dari IBTE School of Agro-Technology and Applied Sciences (HNTec in Agrotechnology); dan Anugerah Khas Pelajar (Student Special Award) kepada Awang Muhammad Ali Hafizhuddin bin Masdy, pelajar dari IBTE School of Aviation (HNTec in Electronic Engineering).

Bagi memastikan perjalanan Majlis Konvokesyen tidak terjejas, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh IBTE antara lainnya seperti mengadakan Majlis

Konvokesyen selama empat hari yang dihadiri oleh beberapa orang tetamu kehormat, sekali gus menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan IBTE dan penerima anugerah.

Sehubungan dengan itu, untuk memudahkan orang ramai, khususnya para ibu bapa dan penjaga graduan, IBTE telah menyediakan platform untuk menyiarkan majlis ini secara dalam talian (live streaming) melalui laman sesawang <https://ibte.edu.bn>.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

Penutup mulut dan hidung secara amnya tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.

Gunakan penutup mulut dan hidung JIKA anda:

- demam
- batuk
- selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung anda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn | [f](#) | [i](#) | [t](#) | [@](#)123



Tinjau situasi terkini kawasan terjejas banjir



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyerahkan sumbangan berupa barang asasi kepada penghuni rumah yang terjejas akibat banjir.

BELAIT, Isnin, 7 Disember. - Hasil laporan banjir sejak 23 November lalu sehingga hari ini telah menjejaskan beberapa buah kawasan di Daerah Belait, iaitu mencatatkan sebanyak 96 buah rumah dan 380 penduduk kampung.

Sebagai usaha berterusan, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC), Daerah Belait dengan kerjasama pelbagai agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, termasuk dukungan padu daripada pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan meneruskan kerja-kerja pemantauan dan perkhidmatan bantuan kepada penduduk sekitar dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan mereka di kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir di daerah tersebut.

Sehubungan itu, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang

Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud dan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut membuat tinjauan ke kawasan-kawasan terjejas banjir di Daerah Belait, di sini.

Lawatan kerja Setiausaha-setiausaha Tetap berkenaan ke Daerah Belait hari ini merupakan kesinambungan daripada lawatan ke kawasan terjejas banjir di Daerah Temburong pada 1 Disember dan Daerah Tutong pada 3 Disember 2020 lalu bersama para pegawai Daerah selaku Pengerusi-pengerusi DDMC yang bertindak sebagai penyelaras bersama di peringkat daerah.

Sebelum meninjau ke kawasan-kawasan yang dilanda banjir, Awang Md. Amir Hairil dan Awang Salminan mendengarkan penerangan dari Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin, selaku Pengerusi DDMC, Daerah Belait mengenai situasi terkini dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh

agensi-agensi kerajaan di kawasan-kawasan yang terjejas dengan banjir.

Dalam lawatan tersebut, Awang Md. Amir Hairil dan Awang Salminan juga membuat kunjungan ke beberapa buah rumah di Kampung Sungai Mau dan Jalan Kandul, dan seterusnya menghulurkan sumbangan bantuan berupa catuan makanan dan beberapa barang keperluan harian kepada keluarga yang terjejas oleh kejadian banjir.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi 1; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Pegawai Pemerintah Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei; pegawai-pegawai kanan KHEDN dan KKBS; dan agensi-agensi yang berkepentingan.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Hamzah Mohidin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menyampaikan sumbangan berupa barang asasi kepada penghuni rumah yang turut terjejas akibat banjir.



SALAH sebuah rumah di Kampung Sungai Mau yang terjejas oleh banjir.

COVID-19 : 1 kes masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah, hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini masih kekal sebanyak 151 kes. Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan

memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 215 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 10 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes aktif masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 147 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 483 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori sementara seramai 9,016 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 196 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 78,463 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

HALUAN

Tingkatkan kesedaran, kesiapsiagaan mengenai risiko bencana

Dari muka 2

Dalam hal ini, program kesedaran (*awareness programs*), projek dan aktiviti bagi mendukung CCA dan DRR perlu dilaksanakan dari masa ke semasa bagi meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi apa jua kejadian kesan daripada perubahan iklim dan pemanasan global. InsyaaAllah, NDMC berhasrat untuk menaikkan peratus kesiapsiagaan masyarakat ke 50 peratus menggunakan kaedah pengambilan sampel seluruh penduduk negara pada tahun 2025 dan mencapai objektif *disaster-resilient nation*.

Akhirnya, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada NDMC atas kegigihan dan komitmen dalam melaksanakan program kesedaran di kalangan para belia yang secara tidak langsung memperkasa keupayaan para belia dalam membantu kerajaan dalam melaksanakan projek-projek dukungan CCA dan DRR. Kita sama-sama berdoa semoga negara kita akan terhindar dari malapetaka yang berlaku akibat bencana.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya sukacita merasmikan Majlis Forum dan Bengkel Peranan Belia dalam CCA dan DRR.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	151		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	147

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (215 hari yang lalu)	10 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
483	9,016

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
196 sampel	78,463

49 pegawai tamat Kursus Staf Pertengahan



PEMERINTAH Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Haji Othman bin Haji Suhaili @ Suhaily semasa menyampaikan sijil kepada peserta kursus tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TANAH JAMBU, Isnin, 7 pegawai-pegawai Angkatan
Disember. - Seramai 49 pegawai Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)
tempatan terdiri daripada dan seorang pegawai dari Pasukan

Polis Diraja Brunei (PPDB) yang mengikuti Kursus Staf Pertengahan (The Intermediate Staff Course - ISC) 20/2020 menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup yang berlangsung di Akademi Pertahanan, ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Penyampaian sijil kepada para peserta kursus yang cemerlang disempurnakan oleh Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Haji Othman bin Haji Suhaili @ Suhaily selaku tetamu kehormat bagi mewakili Pemerintah ABDB.

Tetamu kehormat juga menyampaikan sijil bagi Anugerah Penuntut Terbaik Keseluruhan yang disandang oleh 964 Kapten (U) Muhammad Izdiyar bin Haji Imran dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB); Anugerah 'Best Service Paper' kepada 1084 Kapten Amirul Adini bin Haji Amir Abas dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB); dan Anugerah 'Best Commander RBAF's Paper' kepada 948 Kapten Dayangku Dr. Nurhayatul Filzah binti Pengiran Damit dari Pusat Optima Kecergasan Tentera.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Luqman mulai ayat 1 hingga 16 yang dibacakan oleh 885 Kapten Pengiran Abdul Hadi bin Pengiran Idris dari TDDDB.

Diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta kursus, 1107 Leftenan Najihah binti Haji Abdul Hisab dari TLDB.

Tetamu kehormat dalam ucapannya antara lain menyatakan ISC adalah untuk mempersiapkan para pegawai ABDB dalam peringkat kapten atau leftenan di TLDB menjadi pegawai dan kakitangan yang cekap dalam perkhidmatan atau persekitaran masing-masing.

Beliau juga merakamkan ucapan tahniah kepada para peserta kursus atas kerja keras dan dedikasi mereka sepanjang kursus tersebut.

Kursus selama 14 minggu itu telah bermula pada 30 Ogos lalu merupakan kursus penting bagi para pegawai ABDB yang berpangkat Kapten / Leftenan (Laut) dalam meningkatkan pengetahuan ketenteraan secara keseluruhannya melalui beberapa program yang tertumpu pada pengetahuan profesionalisme,



PEMERINTAH TLDB semasa berucap pada majlis berkenaan.

kepimpinan dan pengurusan, kemahiran berkomunikasi dan perancangan operasi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera / Angkatan Bersama, Pengarah Tentera, Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan PPDB, dan Pegawai-pegawai Kanan dari ABDB dan AP ABDB.



PEMERINTAH TLDB semasa bergambar ramai pada Majlis Penutup Kursus Staf Pertengahan (The Intermediate Staff Course - ISC) 20/2020 yang diadakan di Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kampung Tanah Jambu.

RTB tandatangani perjanjian tajaan Bintang Harmoni 2020

Siaran Akhbar dan Foto :
Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Bintang Harmoni atau sebelum ini dikenali sebagai Bintang Radio merupakan salah satu daripada usaha-usaha berterusan Radio Televisyen Brunei (RTB) untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan.

Pada tahun ini, sebanyak 112 penyertaan untuk menyertai Bintang Harmoni 2020 telah diterima dari keempat-empat daerah.

24 peserta daripadanya berjaya mara ke peringkat separuh akhir dan hanya lapan daripadanya terpilih untuk bertanding di peringkat akhir.

'Peringkat Akhir Bintang Harmoni 2020' akan mengambil tempat pada Sabtu, 12 Disember 2020, jam 8.00 malam di Stesen RTB Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian Tajaan bagi Bintang Harmoni 2020 berlangsung hari ini di Ibu Pejabat RTB, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II.

Menandatangani bagi pihak RTB ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim. Manakala para penaja terdiri daripada Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd.; Arts Production; Brunei River Cruise; dan Chop Kim San Sdn. Bhd. telah diwakili oleh Pengurus masing-masing.

Siaran langsung pertandingan tersebut boleh diikuti melalui saluran radio Harmoni FM dan saluran televisyen RTB Aneka.

Pertandingan tersebut juga boleh diikuti secara penstriman langsung (*live streaming*) melalui aplikasi mudah alih RTBGo (GoLIVE).



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim (depan, dua dari kiri) semasa menandatangani Perjanjian Tajaan bagi Bintang Harmoni 2020 bagi pihak RTB, manakala bagi pihak syarikat tajaan Brunei River Cruise, ditandatangani oleh pengurus syarikat berkenaan.

Memanjangkan bacaan doa dan zikir dalam sembahyang

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG mengandungi bacaan-bacaan wajib (rukun qauli) dan bacaan-bacaan sunat iaitu sunat *ab'adh* dan sunat *hai'at*. Selain bacaan-bacaan sembahyang yang biasa dibaca itu terdapat banyak lagi bacaan-bacaan yang disunatkan membacanya dalam sembahyang sebagai tambahan. Bahkan ada antara bacaan tambahan itu jika dipanjangkan membacanya melebihi dari bacaan yang biasa akan menjadikan bacaan tersebut lebih sempurna.

Ini bermakna memanjangkan bacaan-bacaan dalam sembahyang itu juga adalah dituntut. Namun walaupun ada anjuran melakukannya, tetapi tidak semua orang yang melakukan sembahyang disunatkan memanjangkan bacaan-bacaan dalam sembahyangnya kerana ada antara orang yang melakukan sembahyang itu makruh memanjangkan bacaan-bacaan sembahyangnya.

Maka untuk lebih jelas, diuraikan hukum mengenai memanjangkan bacaan-bacaan khususnya doa dan zikir dalam sembahyang dan beberapa bacaan-bacaan tambahan yang dianjurkan mengenainya.

Hukum Memanjangkan Bacaan Doa Dan Zikir Dalam Sembahyang

Imam disunatkan untuk meringankan bacaan dalam sembahyang jemaahnya. Apa yang dimaksudkan dengan meringankan itu ialah tidak membatasi bacaan kepada yang paling kurang (*al-akhl*), dan tidak juga melebihi bacaan kepada yang lebih sempurna (*al-akhl*). Akan tetapi, membacanya dengan sekurang-kurang sempurna (*al-akhl*).

Ini tidak bermaksud, imam tersebut meninggalkan segala bacaan sunat *ab'adh* dan sunat *hai'at*. Namun imam dituntut juga membacanya akan tetapi dengan bacaan sekurang-kurang sempurna.

Sebagai contoh dalam perkara meringankan bacaan zikir rukuk dan sujud, sekurang-kurang (*al-akhl*) bacaan zikir rukuk dan sujud adalah sekali, dan bacaan

sekurang-kurang sempurna (*al-akhl*) zikir rukuk dan sujud pula adalah sebanyak tiga kali dan bacaan paling sempurna (*al-akhl*) zikir rukuk dan sujud adalah sebanyak 11 kali.

Dalam hal ini, imam yang meringankan bacaan zikir rukuk dan sujudnya adalah disunatkan pada kadar bilangan sekurang-kurang sempurna (*al-akhl*) iaitu sebanyak 3 kali tanpa mengurangkan bacaan zikir rukuk dan sujud tersebut kurang dari 3 kali dan tanpa memanjangkan zikir rukuk dan sujud tersebut melebihi dari 3 kali.

Demikian juga maksud imam meringankan bacaan itu ialah imam tidak disunatkan memanjangkan bacaan dengan membaca zikir tambahan yang lain selepas membaca zikir rukuk dan sujud seperti membaca selepas zikir (*Subhan Rabbi al-'Alim*) dengan tambahan zikir (*Allah Akbar*).

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : "Apabila salah seorang antara kamu mengimamkan sembahyang bersama orang ramai, maka ringankanlah (bacaan) kerana dalam jemaah itu terdapat kanak-kanak, orang tua, orang lemah dan orang sakit. Sementara jika seseorang sembahyang seorang dirinya maka (panjangkanlah bacaan) sembahyang mengikut keinginan".

(Hadits Riwayat Muslim)

Hukum memanjangkan bacaan bagi imam adalah makruh melainkan imam yang mendapat redha daripada makmum untuk menambah bacaan. Maka sunat baginya memanjangkan bacaan dengan membaca zikir tambahan tersebut di atas atau menambah zikir rukuk dan sujud tersebut walaupun sebanyak 11 kali.

Begitu juga bagi orang yang sembahyang secara bersendirian disunatkan untuk memanjangkan bacaan dalam sembahyangnya. Manakala bagi makmum yang ingin menambah bacaan dalam sembahyangnya, dia boleh memanjangkan dan menambah bacaannya selama mana tidak tertinggal oleh imamnya.

Bacaan Doa Dan Zikir Tambahan Dalam Sembahyang

Terdapat banyak bacaan-bacaan doa dan zikir tambahan dalam sembahyang sebagaimana disebutkan oleh para ulama. Antaranya ialah kitab al-Azkar karangan an-Nawawi, kitab Asnaa al-Mathalib karangan Zakaria al-Anshari, kitab Tuhfah al-Muhtaj karangan Ibnu Hajar al-Haitami, kitab Nihayah al-Muhtaj karangan Syamsuddin ar-Ramli kitab Mughni al-Muhtaj karangan al-Khatib asy-Syarbini Rahimahumullahu Ta'ala.

Untuk lebih jelas disebutkan antara beberapa bacaan-bacaan doa dan zikir tambahan yang disunatkan dalam sembahyang :

1. Doa Iftitah.

Doa *iftitah* adalah salah satu daripada sunat *hai'at* dan ia sunat dibaca selepas *takbiratulihram* dan sebelum membaca surah al-Fatihah. Doa *iftitah* itu ialah :

اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْفًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَشَبَّاحًا لِلَّهِ بَکْرَةً وَأَوَّلًا. وَتَحْتَ وَجْهِهِ لَدَيْ قَطْرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، حَقِيقًا مُسْتَلِيمًا. وَمَا آتَا مِنَ الْمُسْرِكِينَ، لِي صَلَاتِي وَتُسْكِي وَتُخَيِّتِي وَمَعَالِي رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Ertinya : "Allah Maha Besar dengan segala kebesaran-Nya, Segala puji bagi Allah dengan sebanyak-banyaknya, Maha Suci Allah (pada waktu) pagi dan petang, Aku hadapkan wajahku pada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan mengakui kebenaran dan menyerahkan diri kepada-Nya, dan aku tidaklah tergolong dari kalangan orang-orang yang musyrik, sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah, Tuhan semesta alam, Tiada sekutu bagi-Nya, dengan demikianlah, aku diperintah dan aku tergolong dari orang-orang Islam".

Kemudian sunat bagi mereka yang diharuskan memanjangkan bacaan untuk menambah dengan doa berikut :

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْغَالِبُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ شَيْخَانِكَ وَخَدِيدِكَ، أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذُنُوبِي، فَأَعِزَّنِي لِي ذُلُّوِي جَمِيعًا، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، وَاهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِينِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَأَصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَاتِي لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَاتِي إِلَّا أَنْتَ، لَيْتَنِي وَتَعَذَّبَكَ الْغَيْرُ كُلُّهُ فِي ذَنْبِكَ وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَالْيَاكُ، تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Ertinya : "Ya Allah, Engkaulah Penguasa, tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau dan segala Puji bagi-Mu, Engkau Tuhanku dan aku hamba-Mu. Aku telah menganiaya diriku

إِرْسَادُ هُكُومِ

IRSYAD HUKUM

جَابَاتُ مَفِيهِ كَلَامُ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

dan aku akui dosaku, maka ampunilah semua dosa-dosaku itu. Kerana tidak ada yang mengampuni dosa-dosa itu kecuali Engkau. Berilah hidayah kepadaku untuk memiliki akhlak yang mulia, kerana tidak ada yang dapat menuntunku kepadanya (kepada akhlak yang mulia) kecuali Engkau. Hindarkan daripadaku akhlak yang buruk, kerana tidak ada yang dapat menghindarkannya daripadaku kecuali Engkau. Aku menyahut panggilan-Mu dan aku terima perintah-Mu. Semua kebaikan berada di tangan-Mu dan kejahatan tidak (kembali) kepada-Mu, aku bersama-Mu dan (kembali) kepada-Mu. Engkau Maha Suci dan Engkau Maha Tinggi. Aku memohon keampunan-Mu dan kembali bertaubat kepada-Mu".

Begitu juga dianjurkan untuk menambah lagi doa berikut :

اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمُسْرِكِ وَالْفَقِيرِ. اللَّهُمَّ بَقِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا بَقِيَ الثُّوبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ. اللَّهُمَّ اغْسِلْ بِي مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالطَّلْحِ وَالْبَرَدِ.

Ertinya : "Ya Allah, jauhkanlah aku dengan kesalahan-kesalahanku sebagaimana Engkau jauhkan antara Timur dengan Barat. Ya Allah, sucikanlah aku daripada kesalahan-kesalahanku sebagaimana Engkau sucikan pakaian putih daripada kotoran. Ya Allah, bersihkanlah diriku daripada kesalahan-kesalahanku dengan air, salju dan hujan batu".

BERSAMBUNG

Kongsi maklumat mengenai pengurusan TAP

Siaran Akhbar dan Foto :
Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) menerima rombongan lawatan seramai 40 orang daripada Kumpulan Muslimah, Belia dan Beliawanis Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid UBD, Haji Ashraf bin Haji Bujang Yusop.

Objektif utama lawatan adalah bagi berkongsi maklumat yang berhubung kait dengan pengurusan TAP yang melibatkan hal ehwal pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Semasa lawatan, rombongan mendengarkan sesi taklimat mengenai dengan sejarah penubuhan TAP, skim-skim dan perkhidmatan yang terdapat di bawah TAP.

Dalam mempersiapkan para belia bagi melangkah ke alam pekerjaan, beberapa tip dan pengetahuan awal (*checklist*) juga



TABUNG Amanah Pekerja semasa menerima rombongan lawatan seramai 40 orang daripada Kumpulan Muslimah, Belia dan Beliawanis Masjid Universiti Brunei Darussalam.

dikongsikan. Manakala bagi yang berkecimpung dalam sektor informal, manfaat -manfaat skim SCP berkerja sendiri juga turut dikongsikan.

Sesi taklimat kemudian diteruskan dengan sesi dialog yang memberikan peluang para

rombongan untuk mengajukan sebarang pertanyaan dan pandangan.

Melalui sesi ini, ia dihasratkan untuk membantu pihak TAP mengetahui tahap kefahaman para rombongan dalam penerimaan maklumat yang dikongsikan

melalui sesi taklimat yang telah diberikan.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan para rombongan turut berkesempatan membuat lawatan ke cawangan kaunter perkhidmatan Ibu Pejabat TAP.

Melalui pendedahan maklumat

seperti lawatan perkongsian ini juga TAP berhasrat agar ianya ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para belia dan juga orang ramai dalam kepentingan perlindungan sosial untuk persediaan awal khususnya pada hari persaraan nanti.

2 sesi konvokesyen raikan 572 graduan IBTE



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menyerahkan sijil kepada graduan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pada sesi pagi.

Siaran Akhbar dan Foto :
Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BERAKAS, Selasa, 8 Disember. - Seramai 297 graduan menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi sesi pagi.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada graduan IBTE, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato

Seri Laila Jaya Haji Abdul Rahman.

Antara penerima pada sesi pagi tersebut, para graduan dari IBTE School of Building Technology Services; dan IBTE School of Energy and Engineering Central (HNTec).

Sementara itu, para penerima Anugerah Pelajar Terbaik (Best Student Award) pada sesi pagi diterima oleh Nurhamizah binti Omarali (NTec in Building Craft); dan Anugerah Khas Pelajar (Student Special Award) diterima oleh Dayangku Mariatul Qibthiah binti Pengiran Mohamad Nazaruddin (HNTec in Construction Engineering).

Manakala, pada sesi petang pula, majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 275 graduan, terdiri daripada IBTE School of Business (HNTec).

Sijil-sijil disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arsad selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE.

Penerima Anugerah Pelajar Terbaik (Best Student Award) pada sesi petang, Awangku Abd. Wafi Hadiyan bin Pengiran Jainalabidin (HNTec in Office Administration); dan Anugerah Khas Pelajar (Student Special Award) diterima oleh



YANG Berhormat Ahli MMN selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE semasa menyerahkan sijil kepada graduan IBTE pada sesi petang.

Muhammad Nur Asyrafahmi bin Norsamri (HNTec in Business and Finance).

Kedua - dua Majlis Konvokesyen IBTE Ke-28 bagi hari kedua tersebut berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Antarabangsa, Berakas.

Majlis Konvokesyen IBTE akan diteruskan lagi pada 9 dan

10 Disember 2020 (sesi pagi dan sesi petang).

Sehubungan itu, untuk memudahkan orang ramai, khususnya ibu bapa dan penjaga graduan, IBTE menyediakan platform untuk menyiarkan majlis ini secara dalam talian, iaitu Live Streaming melalui laman sesawang <https://ibte.edu.bn/2020/12/03/convoschedule/>.



PROGRAM Geosciences di Fakulti Sains (FOS) merupakan yang pertama di Negara Brunei Darussalam memperoleh pensijilan peringkat program dalam ASEAN University Network Quality Assurance (AUN - QA).

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) meraih satu lagi pencapaian menjadi institusi terkemuka di dunia.

Program Geosciences di Fakulti Sains (FOS) merupakan yang pertama di Negara Brunei Darussalam memperoleh pensijilan peringkat program dalam ASEAN University Network Quality Assurance (AUN - QA).

Rangkaian AUN - QA adalah rangkaian jaminan kualiti yang mapan untuk institusi pendidikan tinggi di ASEAN, dengan tanggungjawab untuk mempromosikan jaminan kualiti di

institusi pendidikan tinggi, meningkatkan kualiti pendidikan tinggi juga bekerjasama bersama badan-badan serantau dan antarabangsa untuk kepentingan Komuniti ASEAN.

Pencapaian luar biasa dalam Program Geosciences menunjukkan komitmen UBD dalam melaksanakan proses jaminan kualiti untuk memastikan kecemerlangan pengajaran dan penyelidikan berterusan.

Pensijilan AUN - QA dianugerahkan bagi Sarjana Muda Sains (BSc.) dalam Program Geologi, pilihan yang popular dalam kalangan mahasiswa di FOS.

FOS, UBD peroleh Pensijilan AUN - QA



PENCAPAIAN luar biasa dalam Program Geosciences menunjukkan komitmen UBD dalam melaksanakan proses jaminan kualiti untuk memastikan kecemerlangan pengajaran dan penyelidikan berterusan.

Setelah menamatkan BSc. dalam Geologi, mahasiswa mempunyai pilihan untuk melanjutkan ke peringkat Sarjana Sains (MSc.) dan Ph.D.

Negara Brunei Darussalam adalah negara pengeluar petroleum dan beberapa syarikat terkemuka berada di sini, oleh itu, lulusan Geologi sering direkrut oleh syarikat minyak dan gas atau

syarikat perkhidmatan berkaitan.

Para lulusan Geologi juga dapat memperoleh kerjaya menarik di industri lain yang berkaitan dengan sumber mineral, penerokaan air bawah tanah, masalah alam sekitar dan pembinaan, baik di dalam mahupun luar negara.

Penilaian AUN - QA Ke-180 bagi Program Geosciences berlangsung secara dalam talian,

bermula 21 hingga 26 September 2020 dan pentauliahian diumumkan, pada 2 Disember 2020.

Pada kesempatan itu, UBD merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada pasukan pengurusan kanan, pengurusan fakulti, kakitangan Geosciences, mahasiswa dan alumni juga para pihak berkepentingan.

Sumbangan bagi Muslim Youth Camp 2020



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menerima sumbangan dari Bank Islam Brunei Darussalam dan juga dari Ezy Printing bagi menaja Muslim Youth Camp 2020. Turut hadir, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Islam adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik dalam kalangan umatnya hingga dengannya dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu.

Umat Islam diseru untuk hidup saling bantu membantu dan tolong menolong kerana dengan cara demikian akan dapat menimbulkan perasaan hormat menghormati juga sayang menyayangi tanpa

mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali.

Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong menolong atau bantu membantu ialah dengan amalan bersedekah.

Bersedekah, sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya.



Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya.

Bersempena dengan Brunei December Festival (BDF) 2020, beberapa buah Syarikat memberikan sumbangan bagi menaja Muslim Youth Camp 2020, yang akan berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong, pada 12 dan 13 Disember 2020.

Antara syarikat yang memberikan sumbangan tersebut,

T.L.T Enterprise; Riza Fudhlana Management Services; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Awan Industry; Ezy Printing; dan Sabli's Group.

Hadir menyempurnakan sumbangan tersebut, wakil-wakil setiap syarikat dan diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; dan Pemangku Pengarah Kemajuan

Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman, kemudian diserahkan kepada Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Awang Abd. Aziz bin Haji Abdullah.

Majlis berlangsung di Dewan Persidangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong, di sini.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



قجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Kaji Selidik PSC RECRUITMENT

Kami amat menghargai masa awda untuk melengkapkan kaji selidik ini.

SILA IMBAS KOD QR BERKENAAN







BAHAGIAN Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara melaksanakan Operasi Bersih ke atas beberapa buah tempat di kawasan Kampung Kulapis, Kampung Katimahar, Kampung Jerudong dan Kampung Sengkurong pada 7 Disember lalu.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melaksanakan Operasi Bersih ke atas beberapa buah tempat di kawasan Kampung Kulapis, Kampung Katimahar, Kampung Jerudong dan Kampung Sengkurong pada 7 Disember lalu. Hasil daripada operasi berkenaan, sebuah syarikat dan 24 orang individu dikenakan kompaun di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12 (1) atas kesalahan melonggokkan sampah di kawasan tanah lapang dan di tempat awam serta membuat

pembakaran terbuka. Syarikat Sai Nath Sdn. Bhd. dikenakan kompaun sebanyak BND500, manakala 23 orang individu dikenakan kompaun BND100 setiap seorang, manakala seorang individu dikenakan kompaun sebanyak BND500.

Syarikat dan individu berkenaan diberi tempoh selama tujuh hari waktu bekerja untuk membayar kompaun berkenaan. Kegagalan menjelaskan kompaun boleh diambil tindakan ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12 (1) iaitu jika sabit kesalahan denda tidak melebihi BND1,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan seterusnya dan penjara tidak melebihi tiga bulan.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi menerusi talian +673 2381581 sambungan ke Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, JDBM.

ANTARA kesalahan yang dijumpai pada Operasi Bersih tersebut.



Patuhi Perintah Pekerja 2009

Siaran Akhbar :
Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (Labour Enforcement Division - LED), Jabatan Buruh mengadakan Operasi Sanggah 242/2020, di Jalan Muara dan Pekan Muara, pada 7 Disember lalu, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerja 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pegawai Penguatkuasa dari LED menjalankan pemeriksaan bermula 9.45 pagi ke atas syarikat-syarikat bagi kegiatan berpondok berjual cucur dan nasi katok, kedai runcit *hardware*, restoran juga salon.

Seramai tiga pekerja tempatan dan tiga pekerja asing, masing-masing diperiksa akan kesejahteraan dan kebajikan mereka. LED mendapati dua pekerja asing, masing-masing di Pondok Sungai Tiling dan Tanah Jambu, berjawatan sah Tukang Masak melakukan pekerjaan berjual / berjaja cucur dan nasi katok.

Hasil daripada pemeriksaan ke atas pekerja asing tersebut mendapati Kesalahan Penempatan Pekerja Tidak Mengikut Kebenaran Lesen Pekerja Asing, di bawah Bab 86, Perintah Pekerja 2009 juga Penyalahgunaan Jawatan, di bawah Bab 112 Perintah Pekerja 2009.

Bagi Kesalahan Penempatan Pekerja Tidak Mengikut Kebenaran Lesen Pekerja Asing; dan Penyalahgunaan Jawatan, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama; dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Manakala pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat bagi kegiatan *hardware*, restoran dan salon, tidak ada sebarang kesalahan perburuhan didapati.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerja 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

Di samping itu, dinasihatkan kepada para majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerja 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung bersama Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Supported by:

 كميٲرٲن كصٲحٲٲ
 KEMENTERIAN KESIHATAN
 MINISTRY OF HEALTH

HARI AIDS SEDUNIA 2020

UJIAN SARINGAN HIV PERCUMA

3 DISEMBER 2020 - 31 DISEMBER 2020

"JUST A FINGER PRICK"

- ☒ UJIAN PANTAS
- ☒ MAKLUMAT SULIT
- ☒ KEPUTUSAN DALAM MASA 30 MINIT

UNTUK MENDEPATKAN UJIAN, SILA HUBUNGI:

- VITALIV HEALTH & WELLNESS CLINIC 2335577
- CY LIM CLINIC 2449488
- WHOLISTICA CLINIC 8238180
- AMMAN MEDICAL CLINIC 8231818
- RIVERVIEW CLINIC 2239389
- PANAGA HEALTH CENTRE 3372709
- DR PREMA CLINIC 2421727

PENILAIAN SEBELUM UJIAN DIPERLUKAN!

#WAD2020 #BAIKTAHBECEK!

Brunei Darussalam AIDS Council

Giat tingkat kerjasama penyelidikan



MENANDATANGANI bagi pihak UBD ialah Pengarah Pejabat Inovasi dan Perusahaan, Pengiran Dr. Emeroylariffion Abas dan bagi pihak Pahaytc Sdn. Bhd. adalah Pengarah syarikat berkenaan, Yong Teck Foo.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 8 Disember. - Majlis Penandatanganan Perjanjian Perlesenan antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Pahaytc Sdn. Bhd. diadakan di Pejabat Penolong Naib Canselor

Inovasi dan Perusahaan, Pengiran Dr. Emeroylariffion Abas dan menandatangani bagi pihak Pahaytc Sdn. Bhd. adalah Pengarah syarikat berkenaan, Yong Teck Foo.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan tersebut adalah Pengurus Pahaytc Sdn. Bhd., Anny Chieng dan Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. Mohammad Ayub Sadiq serta pegawai dari UBD dan Pahaytc Sdn. Bhd.

Perjanjian Perlesenan merupakan puncak penyelidikan dan kerjasama selama bertahun-tahun antara Pahaytc Sdn. Bhd dan penyelidik dari UBD yang bermula pada tahun 2018 mengenai ciri aquilaria tempatan atau Agarwood atau yang biasa disebut sebagai Gaharu.

Penyelidikan memfokuskan kepada pelbagai jenis Daun Teh Gaharu dan faedahnya. Penandatanganan ini merupakan tonggak utama dalam mendorong UBD untuk lebih banyak bekerjasama dengan industri.

Dalam ucapan perasmian, Profesor Dr. Mohammad Ayub Sadiq menekankan bahawa UBD bekerja keras dan akan terus bekerja keras serta bekerjasama

Bantu kesan Sri Rahayu

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SENGKURONG, Selasa, 8 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sengkurong, Daerah Polis Brunei dan Muara meminta kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan yang lari daripada majikan.

Pekerja perempuan tersebut bernama Sri Rahayu, berusia 44 tahun, warganegara Indonesia, nombor pasport C6284167.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Sengkurong, Daerah Polis Brunei dan Muara menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia, Sri Rahayu yang lari daripada majikan.

dengan orang ramai demi untuk kepentingan industri.

Beliau yakin, dengan penglibatan aktif bersama industri, agensi kerajaan, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan organisasi bukan kerajaan (NGO), UBD akan dapat memenuhi visinya untuk menjadi universiti berinovasi dan perusahaan.

Pejabat Penolong Naib Canselor

(Inovasi dan Perusahaan) secara berterusan mempromosikan dan mendorong dialog industri dan perkongsian Tri-helix dalam pelbagai bidang kolaborasi termasuk penyelidikan bersama, usaha pemindahan teknologi dan pengkomersialan seperti perlesenan usaha dan teknologi penyelidikan UBD. Maklumat lebih lanjut boleh didapati di <https://innovation.ubd.edu.bn/>.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

SESUINGUHNYA kita umat manusia tidak akan terlepas daripada melakukan sebarang kesilapan dan keterlanjuran sama ada sengaja ataupun tidak. Sebaik-baik insan yang melakukan kesilapan itu ialah mereka yang segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menyesali segala yang telah dilakukannya. Kebanyakan manusia, walaupun tidak semua, masing-masing pernah terlanjur melakukan kesilapan. Kesilapan itu mengakibatkan dosa kerana telah melakukan maksiat.

Kita sentiasa mendengar perkataan bahawa manusia ini dengan segala sifat kemanusiaannya sentiasa terdedah kepada keterlanjuran. Tidak kira sama ada orang bertakwa ataupun sebaliknya perbezaannya orang-orang yang bertakwa apabila mereka melakukan kesilapan yang mendatangkan dosa, mereka akan segera ingat lalu menyedari hakikat sebenarnya. Berlainan dengan keterlanjuran orang yang kurang bertakwa, apabila terlanjur mungkin saja dia berterusan dalam dosa dan noda. Tidak ada keinginan untuk kembali bertaubat dan terus dengan kelalaian.

Lebih menyedihkan lagi, terdapat segelintir masyarakat meremehkan perbuatan maksiat itu kerana sudah terbiasa melakukannya. Walau bagaimanapun, orang seperti itu perlu diberi keyakinan bahawa masih ada jalan untuk bertaubat. Masih ada peluang untuk mereka kembali serta mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah menuntut kepada umat manusia agar sentiasa meminta atau memohon keampunan kepada-Nya. Kita diwajibkan memohonkan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dan Dia yang bersifat Pengampun sentiasa mengampunkan orang yang mahu bertaubat. Kita pohonkan keampunan tentunya adalah kerana keinsafan. Apabila kita insaf akan keterlanjuran yang menzalimi diri sendiri dengan kejahatan dan dosa, maka kita

segera ingatkan Allah.

Tentunya keinsafan itu didorong oleh takutkan balasan atau akibat buruk dosa atau kesalahan yang dilakukan. Kita takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang diketahui berkuasa mendatangkan balasan itu sama ada lambat atau cepat, di dunia ataupun di akhirat. Ketakutan sedemikian itu dapat diterima sebagai tanda takwa. Takwa itu dari mula lagi sudah kita miliki menerusi asuhan kerohanian. Tetapi sebagai manusia, lalai dan lupa adalah sifat dominan kita.

Yang penting ialah kita sedar akan kesalahan. Kita insaf akan keterlanjuran. Kita tahu ianya dosa yang amat membebankan. Keadaan sedemikian itu ada digambarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ali Imraan, ayat 135 - 136 yang mafhumnya :

"Dan orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri mereka sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Dan sememangnya tidak ada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa-dosa selain Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu sedang mereka mengetahui (akibatnya). Mereka itu ganjarannya ialah keampunan daripada Tuhan mereka dan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan itulah sebaik-baik ganjaran bagi orang-orang yang beriman."

Adapun perkara yang utama di dalam kita bertaubat dan insaf daripada kesalahan yang perlu dilakukan ialah :

- Insaf akan kesalahan.
- Sedar dan sentiasa ingat akan Allah Subhanahu Wata'ala.
- Segera memohon keampunan.
- Tidak berterusan dengan dosa atau bergelumang dengannya.
- Yakin hanya Allah yang dapat mengampunkan dosa.

Makanya janji Allah untuk kita yang bersikap demikian ialah *maghfirah* iaitu

pengampunan dan *jannaat* iaitu syurga-syurga yang kita kelak dikekalkan di dalamnya.

Bertaubat banyak diertikan dengan menyesal kerana apabila telah melakukan sesuatu, tetapi hasilnya tidak seperti diharapkan, maka kebanyakannya akan mengatakan menyesal sama ada benar-benar kesal atau juga serik. Tetapi dalam keadaan perbuatan yang terlanjur dan membawa dosa bagi erti kata taubat itu memang maknanya menyesali keterlanjuran berbuat dosa lagi. Dalam erti kata lain taubat itu kembali ke pangkal jalan atau kembali ke jalan Allah.

Menyesali dosa itu ertinya insaf bahawa dosa itu jadi pendinding daripada beroleh hidayat, rahmat dan berkat Allah. Mungkin tidak semudah itu timbulnya keinsafan. Sebab di dalam diri orang yang bergelumang dosa ia melihat dirinya terus menerus beruntung dan bertuah. Tetapi jangan lupa tuah untung yang dilihat, dikecapi, dinikmati dalam keadaan bergelumang dosa tidak akan kekal selamanya malah ianya boleh membuatkan manusia semakin jauh daripada hidayat rahmat dan berkat.

Maka kita perlu ditimbulkan kesedaran, dipupuk keinsafan. Dari situ akan ada rasa menyesal yang disertai dengan memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berazam tidak melakukan dosa seterusnya. Perkara itu dibuat dengan

menaruh harapan bahawa Allah Yang Maha Pengampun akan memberi ampun. Dengan harapan lalu bertaubat. Taubat itu malah diwajibkan untuk beroleh keampunan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Tahrim, ayat 8 yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai".

Kita yakin taubat kita akan diterima oleh Allah. Kita yakin kerana kita memohonkannya. Kita yakin kerana kita insaf setelah terlanjur dan ingin kembali ke jalan Allah. Kita tidak boleh berlengah-lengah. Kita takut tempoh yang diberikan terlepas. Sebab kita tidak tahu bila nafas kita akan terhenti selamanya.

Yang pasti kita sama sekali tidak ingkarkan Allah Subhanahu Wata'ala sekalipun pernah terlanjur berdosa, kita tetap bertuhankan Allah dan bernabikan Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita akur kepada rukun-rukun iman dan rukun-rukun Islam. Kita jadikan Al-Quran dan Hadis sumber utama kita dalam kehidupan. Kita beragama Islam. Kita adalah umat yang dikasihi dan disayangi oleh Allah sepanjang zaman.

BERTAUBAT banyak diertikan dengan menyesal kerana apabila telah melakukan sesuatu, tetapi hasilnya tidak seperti diharapkan, maka kebanyakannya akan mengatakan menyesal sama ada benar-benar kesal atau juga serik. Tetapi dalam keadaan perbuatan yang terlanjur dan membawa dosa bagi erti kata taubat itu memang maknanya menyesali keterlanjuran berbuat dosa lagi. Dalam erti kata lain taubat itu kembali ke pangkal jalan atau kembali ke jalan Allah.



BENGKEL Masakan Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan Tutong diadakan selama tiga hari bagi memberi tunjuk ajar dalam pembuatan kek, roti, biskut dan juga pencuci mulut.

TUTONG, Selasa, 8 Disember. - Seramai 34 peserta terdiri daripada belia berumur 15 hingga 20 tahun mengisikan masa sempena cuti persekolahan dengan mengikuti Bengkel Masakan Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Tutong. Program Masakan Belia bertujuan untuk memberi tunjuk ajar kepada belia cara membuat makanan yang terpilih bagi membantu mereka mengembangkan idea-idea dan gagasan yang kreatif dalam membina Entrepreneurship atau peluang keusahawanan. Bengkel selama tiga hari itu

Didedahkan kemahiran dalam masakan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

bermula pada 8 hingga 10 Disember dan diadakan di bangunan JBS, Tutong akan diisikan dengan tunjuk ajar asas dalam pembuatan kek, roti, biskut dan pencuci mulut (*dessert*) yang dikendalikan oleh tenaga pengajar, Dayang Zurinah binti Haji Ibrahim dari Pusat Belia Daerah Belait.

Para belia akan didedahkan kepada kemahiran dalam membuat kuih-muih dan kek, untuk membantu belia agar kreatif menyediakan dan mempelbagaikan produk makanan serta diberikan penekanan ke arah aspek keusahawanan untuk menarik minat belia dalam bidang masakan.

Selain itu, bengkel juga dihasratkan sebagai platform untuk melatih belia dengan menitikberatkan keperluan untuk menjadi usahawan, di samping objektif jangka panjang untuk membantu menggerakkan pertumbuhan ekonomi belia sendiri dan negara amnya.



BELIA berumur di antara 15 hingga 16 tahun antara yang menyertai bengkel tersebut.

Bersantai menyusuri keindahan Sungai Tutong bersama Bahtera Cruise

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



BAHTERA Pontoon Boat menyediakan perkhidmatan menyusuri Sungai Tutong sambil menikmati sajian minum petang di dalam bot, sekali gus menyaksikan pemandangan indah sepanjang menyusuri Sungai Tutong (atas dan bawah kiri).

TUTONG, Selasa, 8 Disember. - Menyusuri Sungai Tutong dengan menaiki bot pelancong sambil menikmati hidangan *hi-tea* atau minum petang memang sangat menarik, apatah lagi menikmati suasana keindahan alam semula jadi yang terdapat di sepanjang Sungai Tutong dan sekitarnya, di samping menyaksikan suasana Pekan Tutong yang dekat dengan Kuala Sungai, di mana bertemunya sungai dengan laut yang mempamerkan suasana

cantik, terutama apabila matahari terbenam.

Ia akan lebih bermakna seandainya menyusuri sungai tersebut diadakan bersama keluarga dan orang tersayang, setentunya ia akan menjadi salah satu pengalaman yang istimewa, sekali gus menjadi kenangan manis bersama.

Mula beroperasi pada penghujung bulan Oktober lalu, dua buah bot pelancong, dinamakan Bahtera Pontoon Boat

dan Seri Melati Catamaran menyediakan perkhidmatan menyusuri Sungai Tutong hingga ke penghujung Kuala Tutong sambil menikmati pemandangan indah matahari terbenam tersebut.

Sejak negara dilanda pandemik COVID-19, semua sempadan ditutup dan para penduduk di negara ini berkesempatan untuk mengadakan cuti dan bersantai di dalam negara sendiri sambil mengenali negara kitani bersama keluarga masing-masing.

Sebelum ini, tempat pelancongan hanya tertumpu di kawasan Bandar Seri Begawan dan sejak Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dibukakan dan pelan *de-escalation* diberikan, alhamdulillah, ia membuka peluang kepada penduduk negara berkunjung menikmati keindahan kehijauan Daerah Temburong.

Sekarang tiba masanya pula untuk orang-orang kitani menghargai keindahan Sungai Tutong yang mempunyai suasana yang sangat tenang dan pastinya menjanjikan satu panorama yang menarik juga amat berlainan berbanding dengan kawasan Kampong Ayer yang dikelilingi dengan rumah-rumah kampung

lama lagi unik.

Bot-bot yang disediakan oleh Bahtera Cruise boleh ditempah setiap hari, tetapi biasanya tempahan adalah penuh pada setiap hujung minggu, iaitu Sabtu dan Ahad.

Antara pemandangan atau tempat menarik yang boleh dilihat sepanjang menyelusuri Sungai Tutong tersebut ialah matahari terbenam di Kuala Tutong, hutan-hutan bakau, jeti lama yang pernah dijadikan sebagai penghubung bagi pekerja-pekerja Shell sewaktu ketika dahulu yang datang dari bandar hendak menuju ke Seria yang menggunakan khidmat feri melalui jeti lama menuju ke Danau.

Selain itu, *landmark* Sungai Tutong di Pekan Tutong juga boleh dikunjungi dan suasana perantaraan sungai dengan laut, khususnya berdekatan dengan Pantai Seri Kenangan juga dapat dilihat dengan lebih jelas.

Biasanya perjalanan mengambil masa selama 1 jam hingga ke 1 jam setengah, di mana ketika dalam perjalanan, juadah, seperti teh dan kopi panas atau jus juga makanan ringan, seperti *sandwich* dan kuih-muih tempatan juga turut

disajikan.

Keselamatan dan keselesaan penumpang menjadi keutamaan pada setiap perkhidmatan bot pelancong tersebut dan diharap apabila berakhirnya pandemik yang masih melanda dunia ketika ini, pelancong dari luar juga akan berpeluang menikmati keindahan Sungai Tutong dan mampu menjadi tumpuan para pelancong.

Antara tujuan usaha ini dijalankan adalah untuk meningkatkan penjana ekonomi di Daerah Tutong secara tidak langsung dan membantu penjana pendapatan kepada para pengusaha makanan yang menjadi pembekal kepada pakej makanan yang disediakan dalam tempahan bot berkenaan.

Sempena cuti hujung tahun persekolahan ini, ia memang tepat pada saat dan masanya bagi para keluarga mengambil peluang yang ada untuk bersantai meluangkan masa bersama anak-anak dan keluarga tercinta menyusuri Sungai Tutong menggunakan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut, sila layari Facebook : *Bahtera Cruise* atau Instagram : *@bahterarivercruise*.



SUASANA di sepanjang Sungai Tutong kelihatan sungguh indah dan mengasyikkan.

Tingkat kesedaran belia mengenai nasib warga emas

Siaran Akhbar dan Foto : Projek Bina Ukhwah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Bersempena dengan Hari Bertindak 2020, Projek Bina Ukhwah berjaya menganjurkan Youth Empowering Session bagi sesi pagi dan petang.

Sesi pagi diisi dengan forum,

di mana fokus perbincangan dalam forum tersebut adalah mengenai hal ehwal kesejahteraan warga emas dan masalah sosial yang sering dihadapi oleh warga emas di Negara Brunei Darussalam.

Hadir menyaksikan forum

tersebut sekali gus membuat lawatan rasmi sempena Hari Bertindak berkenaan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Forum tersebut ditampilkan oleh empat ahli panel, iaitu Pakar Geriatrik dan Pakar Perubatan, Dr. Shyh Poh Teo; mantan Ahli Projek Bina Ukhwah, Dayang Hana Farhana binti Haji Md. Som; Naib Yang Di-Pertua Society for Community Outreach & Training, Dayang Hajah Nurul Izzati Khairunnisa binti Haji Embran; dan Ketua Pegawai Eksekutif Projek FEED, Dayang Nurul Najibah binti Mohd. Ridhwan @ Steffhine Foo May Ling.

Objektif forum tersebut diadakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan para belia mengenai masalah warga emas serta menimbulkan rasa

OBJEKTIF forum tersebut diadakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan para belia mengenai masalah warga emas.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada sesi Youth Empowering Session berkenaan.

kasih sayang dan prihatin agar nasib warga emas sentiasa diambil berat oleh masyarakat sekeliling, khususnya untuk para belia.

Antara topik yang dibincangkan termasuk *Taking a good care and looking after our elders as to support family-oriented system in Brunei Darussalam; Understanding the role of social enterprises in alleviating the detrimental social symptoms; dan The role of youth in tackling social issues and its effectiveness.*

Projek Bina Ukhwah diharap agar para belia yang menghadiri

forum tersebut akan sentiasa lebih peka dalam mengatasi masalah-masalah hal ehwal kesejahteraan warga emas di negara ini pada masa akan datang.

Youth Empowering Session merupakan fasa pertama bagi projek tahunan Senyuman Emas, di mana Senyuman Emas pada tahun ini diadakan buat ke-4 di dalam dua fasa.

Fasa kedua nanti pula akan diadakan pada 20 Disember 2020, iaitu Youth Essence Activity.



Tawar perkhidmatan pemasaran, penghantaran hasil ladang tempatan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Platform dalam talian Agrome Market, yang menawarkan perkhidmatan pemasaran dan penghantaran hasil ladang tempatan kepada pelanggan dari pintu ke pintu terus berkembang dengan pelancaran kedai fizikalnya di Unit 6 Blok 'C', Kompleks Perindustrian Beribi, di sini, baru-baru ini.

Pengasas Agrome Market, Dr. Vanessa Teo berkata, pelancaran itu memberi kemudahan kepada para pelanggan untuk mengunjungi dan membeli produk-produk yang dihasilkan para peladang tempatan.

"Di kedai ini, kami mempamerkan dan menjual produk peladang tempatan yang bekerjasama dengan kami, selain beberapa produk yang diimport

seperti lemon dan epal. Di samping itu, kami juga menawarkan perkhidmatan pembekalan produk berkenaan kepada restoran dan pasar raya di negara ini," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurut beliau, setakat ini, jumlah peladang yang menyertai platform berkenaan telah meningkat, di mana seramai 40 peladang memasarkan produk mereka melalui Agrome Market dan 10 lagi peladang akan mendapatkan pensijilan Brunei Good Agriculture Practice (Brunei GAP) atau Amalan Perladangan Baik Brunei.

"Pensijilan ini adalah antara usaha kami dalam memberikan sokongan kepada garis panduan keselamatan dan kualiti produk perladangan, selain menyokong peladang tempatan," ujarnya.

Beliau juga turut berkongsi pandangan mengenai potensi perladangan pintar di negara ini, dengan melahirkan rasa gembira apabila melihat lebih ramai belia mula menceburkan diri dalam industri pertanian dan mencuba pelbagai jenis kaedah perladangan.

"Perladangan pintar mempunyai pelbagai sistem yang dapat dipilih bergantung kepada bajet dan saiz pasaran," tambahnya.

Beliau menjelaskan, bukan sahaja peladang muda, malahan peladang yang berpengalaman turut terbuka untuk menerima idea serta proses baharu dan mahu bekerjasama dengan pihak Agrome.

"Kalau sebelum ini, mereka perlu menjual sendiri hasil ladang ke pasar dan pasar raya. Namun,



PENGASAS Agrome Market, Dr. Vanessa Teo semasa ditemu bual.

melalui platform ini, kami membantu mereka untuk menjual dan menghantar hasil ladang terus kepada pelanggan," katanya.

Mengenai perancangan pada masa hadapan pula, beliau berhasrat untuk menarik lebih ramai peladang tempatan menyertai platform berkenaan serta menyertai bengkel dan latihan untuk mendapatkan pensijilan Brunei GAP.

Selain itu, beliau juga akan terus meningkatkan jualan dengan membina rangkaian pengedaran bukan sahaja di pasaran tempatan, malahan di pasaran rantau ini.

Menurutnya, mereka akan membantu para peladang untuk mengeksport produk mereka jika hasil perladangan mereka banyak

meningkat dengan mencari pembeli dari luar negara.

"Kami berharap agar orang ramai memahami pentingnya sokongan mereka ke atas peladang tempatan dan mendapatkan produk ladang yang mempunyai persijilan. Ini adalah bagi memastikan semakin ramai individu yang menceburkan diri dalam bidang perladangan selaras dengan permintaan pasaran dan seterusnya membantu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara," katanya.

Kedai Agrome Market dibuka pada setiap hari bermula pukul 8.00 pagi hingga 7.00 malam, kecuali pada Jumaat akan ditutup buat sementara pada pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.



ANTARA produk yang dijual di Agrome Market.



ANTARA yang menyertai permainan Charades bersempena dengan cuti persekolahan penggal akhir.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Selasa, 8 Disember. - Perpustakaan Cawangan Seria hari ini menganjurkan permainan Charades bersempena dengan cuti persekolahan penggal akhir.

Permainan disertai oleh peserta daripada Kategori Remaja dan Kanak-Kanak.

Permainan Charades tersebut dikelolakan oleh Pembantu

Perpustakaan Tingkat 1, Dayang Siti Azizah binti Haji Mohd. Noor.

Permainan Charades merupakan permainan meneka perkataan, berdasarkan karangan sastra yang dramatik, di mana seorang pemain akan menyusun setiap suku kata perkataan atau frasa secara berurutan, diikuti oleh

Charades lahirkan ilham peserta



PERMAINAN Charades disertai oleh para peserta daripada Kategori Remaja dan Kanak-Kanak dan dikelolakan oleh Pembantu Perpustakaan Tingkat 1, Dayang Siti Azizah binti Haji Mohd. Noor.

keseluruhan frasa bersama, sementara kumpulan yang lain akan meneka.

Aktiviti ini dihasrat akan dapat melahirkan ilham juga ilmu kepada mereka yang

menyertainya, di samping mengisi masa lapang dan bersilaturahmi sesama mereka.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Seria menyediakan pelbagai program sempena cuti

sekolah penggal ketiga buat para belia, remaja, kanak-kanak, di mana orang ramai juga dialu-alukan untuk hadir dan menyertai permainan yang disediakan.

MINDA PEMBACA

Pelancongan domestik pacu ekonomi negara

PADA penghujung tahun 2019, dunia telah ditawan oleh wabak COVID-19. Keadaan ini telah menyebabkan banyak negara terjejas dan kalam kabut dengan fenomena baharu, sekali gus mengakibatkan kelumpuhan, terutamanya dalam bidang ekonomi. Sektor pelancongan merupakan sektor yang paling banyak terkesan akibat pandemik ini dan jika tidak diatasi, ia mungkin akan menjadi sektor terakhir untuk pulih dalam ekonomi.

Dalam keadaan ini, sebagai rakyat dan penduduk yang prihatin serta bertanggungjawab, adalah perlu untuk menyokong usaha kerajaan membaik pulih dan memantapkan ekonomi negara. Justeru, pelancongan domestik

telah dibukakan kepada orang ramai dan kita sangat digalakkan untuk bersama-sama memperkasakan pelancongan domestik. Selain ia membantu industri pelancongan kembali ke landasan dalam memajukan ekonomi negara, ia membantu kita untuk sama-sama mengharungi cabaran COVID-19. Dengan usaha kerajaan untuk sama-sama memajukan ekonomi, di samping membekalkan dan mengekalkan pekerjaan kepada mereka yang memerlukan, kita perlulah bersikap lebih terbuka untuk berbelanja dan menyokong produk-produk keluaran pelancongan domestik.

Adanya kita menyokong produk-produk pelancongan domestik bukan

sahaja membantu merancakkan ekonomi negara, bahkan ia juga bermanfaat kepada individu berkeluarga kerana ia merupakan usaha untuk mengekalkan dan merapatkan ikatan tali kekeluargaan serta menghargai kenangan bersama keluarga. Pelancongan domestik kini juga lebih dianggap sebagai *necessity* berbanding *luxury*. Pelancongan domestik bukan sahaja salah satu cara untuk merapatkan hubungan kekeluargaan dengan pelbagai aktiviti dan produk yang dihasilkan oleh pelancongan domestik, malahan sebagai alternatif utama bagi mereka yang ingin menghilangkan kebosanan atau sebagai gantian percutian berikutan kekangan untuk belayar ke

luar negara.

Kerajaan juga sering mengingatkan orang ramai untuk sentiasa mematuhi SOP dan panduan yang telah digariskan untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di dalam mengharungi wabak COVID-19 bersama.

Bagaimanapun, dalam keghairahan rakyat dan penduduk yang berbelanja di dalam pelancongan domestik, kawalan harga perlulah sentiasa dipantau dan diberikan perhatian oleh kerajaan agar pelancongan domestik sentiasa menjana pelanggan yang berterusan.

Nama : Norhazlida binti Wasli
No. K/P : 01-030238

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaatkan Cuti Persekolahan Dengan Bijak'. Tarikh Tutup : 9 Disember 2020
2. 'Penulisan Kreatif Kembangkan Daya Pemikiran'. Tarikh Tutup : 16 Disember 2020
3. 'Tingkat Kesedaran Kesihatan Mental Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 Disember 2020

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Permintaan daging ayam semakin meningkat



PENGUSAHA pengeluar ayam pedaging di negara ini amat berpuas hati dengan perkembangan semasa keluaran hasil ladang masing-masing yang meningkat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Sejak kebelakangan ini, bekalan daging ayam tempatan menunjukkan kekurangan khususnya di pasar raya utama.

Orang ramai kelihatan berpusu-pusu untuk membeli lebih banyak daging ayam daripada kebiasaannya untuk keperluan harian. Tidak terkecuali juga pengusaha-pengusaha hotel, restoran dan katering turut terpaksa menyimpan stok daging ayam bagi mengelak ketiadaan atau kekurangan bekalan daging ayam dijual di pasar raya-pasar raya, di mana pada ketika ini menunjukkan trend kenaikan secara drastik khususnya harga daging ayam sejak bulan November lepas.

Penternak ayam dan pengimport ayam beku kini berdepan pelbagai masalah berikutan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia, di mana menjurus kepada kenaikan harga bahan mentah dan

penjualan produk makanan berproses oleh sesetengah peniaga.

Memandangkan harga daging ayam tempatan melonjak naik kira-kira 9 peratus hingga 11 peratus daripada harga sebelumnya, iaitu BND4.10/kg, sebahagian peniaga lebih cenderung untuk memilih daging ayam import kerana jauh lebih murah berbanding daging ayam keluaran tempatan. Kenaikan ini juga termasuk harga sayap ayam mencecah sehingga BND8.50/kg.

Negara Brunei Darussalam mencapai tahap sara diri untuk bekalan daging ayam sejak sekian lama, walau bagaimanapun sejak pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial oleh Kementerian Kesihatan, permintaan daging ayam meningkat dalam kalangan masyarakat di negara ini, khususnya bagi menampung keperluan acara-acara

kekeluargaan seperti majlis perkahwinan, doa selamat dan sebagainya sudah mula diadakan semula.

Ini menjadikan bekalan daging ayam turut mengalami permintaan yang mendadak daripada orang ramai dan pihak pengusaha-pengusaha produk makanan berproses keluaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

Di samping masalah kekangan pengimportan daging ayam sejuk beku masih belum ada jalan penyelesaiannya dan berlarutan sejak penularan pandemik COVID-19 yang banyak menjejaskan aktiviti-aktiviti perdagangan di seluruh dunia.

Semasa tinjauan Pelita Brunei di pasar raya-pasar raya, beberapa orang ramai yang ditemui meluahkan rasa kekecewaan dengan situasi bekalan daging ayam yang tidak mencukupi keperluan orang ramai.

Salah seorang daripada mereka menyatakan terpaksa datang seawal jam 9.00 pagi selepas sahaja gedung perniagaan mula dibuka. Apa yang dikesali, kadang-kadang didapati tempahan awal (*booking*) dibuat oleh pengusaha-pengusaha restoran dan katering di pasar raya berkenaan, di mana orang ramai tidak berkesempatan untuk mendapatkan daging ayam tersebut.

Pelita Brunei juga berkesempatan menemui bual Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah menyatakan bahawa komoditi ayam pedaging di negara ini terus menunjukkan pertumbuhan positif 1.4 peratus di mana keluaran bagi tempoh lima tahun kebelakangan adalah meningkat daripada 23,264 tan metrik pada tahun 2015 kepada 24,584 tan metrik pada tahun 2019,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

iaitu peningkatan sebanyak 1,320 tan metrik.

Menurut beliau, rata-rata pengusaha pengeluar ayam pedaging di negara ini amat berpuas hati dengan perkembangan semasa keluaran hasil ladang masing-masing yang meningkat. Pengeluaran ayam akan dinaikkan berbanding bulan-bulan lepas berikutan peningkatan permintaan daripada orang ramai.

"Permintaan semasa terhadap komoditi ayam pedaging juga dilaporkan meningkat menjelang musim cuti persekolahan akhir tahun dengan orang ramai di negara ini akan menghabiskan musim percutian di dalam negara. Beberapa buah syarikat pasar raya terkemuka yang ditemui juga mengakui bahawa permintaan ayam pedaging pada masa ini sungguh menggalakkan dengan jualan habis tidak sampai ke petang disebabkan oleh faktor permintaan yang tinggi," jelasnya.

Manakala pengusaha makanan berproses terbesar, Syarikat BMC, Awang Haji Jamaluddin bin Sapar menjelaskan bahawa untuk mendapatkan bahan mentah (daging ayam dan lembu) untuk diproses amat sukar sekali disebabkan kuota untuk mengimport tidak diberikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

"Dengan kenaikan harga bahan mentah yang mendadak, pihak Syarikat BMC terpaksa menaikkan harga jualan untuk membolehkan pihak Syarikat BMC meneruskan operasi pemprosesan produk makanan berproses sama ada produk sejuk beku atau yang ditinkan untuk dijual di pasar

raya-pasar raya tempatan. Mengenai harga ayam pada masa ini, menunjukkan peningkatan begitu ketara sekali, bulan-bulan lepas harga ayam sekitar BND4.10 hingga BND4.30/kg tetapi sekarang harga ayam melonjak BND4.50 hingga BND4.80/kg. Ada maklumat lain yang mengatakan harga naik sehingga BND5.00/kg. Pihak Syarikat BMC terpaksa juga membeli walaupun harga semakin meningkat. Dengan kenaikan harga ini, yang teruk terjejas ialah pengguna yang berpendapatan rendah," jelasnya.

Salah seorang pengusaha restoran dan katering berkata pihaknya terpaksa menempah ayam lebih awal setiap hari kerana khuatir tidak memperoleh daging ayam, memandangkan syarikat pembekal ayam yang biasa menghantar daging ayam tidak dapat membekalkan, disebabkan ayam-ayam hidup yang sedia ada masih kecil untuk disembelih.

Manakala bagi Awang Ismail bin Pudir menjelaskan bahawa daging ayam mentah susah diperoleh seawal jam 10.30 pagi dan kira-kira jam 3.00 petang ayam sudah habis. Mengikut maklumat daripada penjual ayam di pasar raya, ayam dihantar pada awal pagi dan awal petang serta jika terlewat, ayam akan habis.

"Kadang-kadang saya tidak berkesempatan untuk mendapatkan bekalan ayam pada waktu tengah hari mahupun petang, ia berlaku sejak awal bulan November lepas lagi. Secara realitinya ayam sukar diperoleh pada waktu-waktu tertentu (*peak hours*), berdasarkan pengamatan saya sendiri yang melihatnya di pasar raya-pasar raya," jelasnya.

Pustaka Graduan tawar banyak pilihan bahan bacaan



ANTARA bahan bacaan yang terdapat di Pustaka Graduan.

BERAKAS, Isnin, 7 Disember. - Pustaka Graduan akan menawarkan lebih banyak pilihan bahan bacaan bagi memenuhi permintaan penggemar buku di negara ini.

Penyelia Pustaka Graduan, Awang Hafizan bin Hamzah berkata, keputusan tersebut dibuat memandangkan ramai pengunjung kedai buku dan alat tulis berkenaan mencari bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris.

"Kami sentiasa menempah buku baharu setiap minggu. Rancangan kami adalah untuk mendapatkan lebih kurang 30 buku baharu untuk dijual di sini," katanya semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Menurut beliau, sambutan yang diterima oleh kedai berkenaan adalah sangat menggalakkan

biarpun baru beberapa minggu beroperasi.

"Lokasinya yang berdekatan dengan sekolah dan bangunan-bangunan jabatan kerajaan memudahkan orang ramai, terutama para penjawat awam dan ibu bapa untuk berkunjung ke sini bagi mendapatkan keperluan alat tulis dan buku," katanya.

Graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini menambah, kebanyakan barangan yang dijual di Pustaka Graduan adalah alat-alat tulis, di samping bahan bacaan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Menurutnya, bahan bacaan yang paling banyak mendapat sambutan

ialah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang diterbitkan PDI, dan Majalah Mekar keluaran DBP.

"Bagi para pelanggan yang ingin mendapatkan judul buku tertentu, kami boleh mencari dan menempatkan buku berkenaan, di samping berusaha untuk mencari peralatan alat tulis yang diminta pelanggan kalau ia tiada di sini. Selain itu, kajian turut dijalankan untuk mengetahui peralatan yang mendapat permintaan tinggi untuk dibekalkan," katanya.

Dalam usaha untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan, beliau dan rakan-rakan sekiranya sedang bergiat aktif dalam mencari tender bagi membekalkan buku di sekolah-sekolah.

"Setakat ini, kami telah mendapatkan satu tender untuk membuat buku latihan sekolah. InsyaaAllah kalau tiada halangan, kami berhasrat untuk mendapatkan tender bagi membekalkan buku di semua sekolah di negara ini untuk meningkatkan keuntungan," jelasnya.

Di samping itu, mereka turut menyasarkan untuk memperkembangkan lagi kedai berkenaan dengan menawarkan semua keperluan alat tulis dan bahan bacaan di bawah satu bumbung dengan harga yang berpatutan.

Jelasnya, menubuhkan sebuah lagi cawangan Graduan Pustaka bagi membuka peluang pekerjaan kepada para graduan merupakan antara perancangan jangka masa panjang mereka.

"Pustaka Graduan dijalankan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



PENYELIA Pustaka Graduan, Awang Hafizan bin Hamzah semasa ditemu bual.

100 peratus oleh graduan tempatan. Sokongan orang ramai akan membantu membuka jalan kepada lebih ramai para graduan tempatan yang belum bekerja untuk mendapatkan pekerjaan dan menimba pengalaman," ujarnya lagi.

Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai buku-buku yang boleh didapati di Pustaka Graduan, orang ramai boleh mengikuti akaun Instagram @pustakagraduan.

Pustaka Graduan merupakan salah sebuah unit yang terdapat di Bangunan Projek Julangan Titah Graduan Bersepadu yang terletak

Jalan Bunga Teratai, Kampung Jaya Setia, Perpindahan Berakas.

Ia dibuka setiap hari bermula dari jam 6.30 pagi hingga 10.00 malam, kecuali pada Jumaat, ditutup jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Selain itu, bangunan tersebut turut menempatkan unit-unit lain, iaitu Sajian Graduan, Pasaria Graduan, Designer Graduan dan Tutor Graduan.

Pustaka Graduan memulakan perkhidmatannya pada 13 September 2020 serta diurus tadbir dan dijalankan sepenuhnya oleh graduan-graduan tempatan.

DARI MAHKAMAH

Wanita tempatan didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND4,000 terhadap pemandu wanita warga tempatan yang menyebabkan kematian dalam kemalangan di Kampung Katok 'B', pusing keliling pada dua tahun lalu.

Keputusan itu dibuat oleh Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu terhadap Tracy Giam Chih Yen, 41, selepas tertuduh mengaku bersalah.

Mengikut pertuduhan, Tracy Giam Chih Yen didakwa memandu secara berbahaya tanpa mengambil perhatian terhadap segala hal termasuk jalan serta kesesakan lalu lintas sehingga menyebabkan pelanggaran di antara kereta dan motosikal.

Akibat pelanggaran tersebut, seorang penunggang motosikal dikejarkan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha tetapi meninggal dunia semasa dalam rawatan. Punca kematian adalah kerana kecederaan otak yang teruk berikutan pelanggaran tersebut.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli.

Padah akibat menipu

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, Lans Koperal 4555, Sahlan bin Haji Mat Sahat, berumur 39 tahun didakwa di Mahkamah Majistret hari ini, atas empat pertuduhan di bawah Bab 420 Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan empat pertuduhan di bawah Bab 8(1) Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68).

Biro Mencegah Rasuah (BMR) menjalankan siasatan ke atas Lans Koperal 4555 Sahlan setelah menerima maklumat daripada mangsa yang menyatakan bahawa beliau telah ditahan oleh seorang anggota polis yang mendakwa bahawa cermin depan kereta miliknya telah rosak oleh batu yang terbang daripada kereta mangsa. Lans Koperal 4555 Sahlan telah meminta mangsa untuk membayar kerosakan tersebut.

Lans Koperal 4555 Sahlan berdepan dengan empat pertuduhan di bawah Bab 420 Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) iaitu satu percubaan untuk menipu dan tiga kesalahan menipu ke atas empat mangsa yang berbeza.

Lans Koperal 4555 Sahlan melakukan percubaan untuk menipu dan memperdaya mangsa untuk membayar sejumlah wang kerana merosakkan cermin depan kereta miliknya, di mana pada hakikatnya ia adalah tidak benar kerana cermin depan kereta miliknya sememangnya sudah retak. Malah dengan tidak jujur

beliau mendorong mangsa untuk memberikannya sejumlah wang tunai.

Kemudian pada 6 April 2015 pada jam 9.30 malam di kawasan Jalan Belimbing, Lans Koperal 4555 Sahlan melakukan lagi percubaan untuk menipu seorang mangsa lelaki penduduk tetap.

Pada 25 April 2015 iaitu kira-kira pada jam 7.00 malam di kawasan rumah pekerja, Jalan Batu Bersurat, dia juga menipu seorang mangsa perempuan warganegara Malaysia manakala pada 27 April 2015, kira-kira pada jam 6.45 petang, di kawasan Jalan Bunut, dia juga menipu seorang mangsa perempuan warganegara Malaysia dan pada 17 Mei 2015 iaitu kira-kira pada jam 9.00 malam di kawasan bengkel kereta Jalan Bunut, Lans Koperal 4555 Sahlan juga menipu seorang mangsa lelaki warganegara Thailand.

Manakala bagi pertuduhan di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68), tertuduh juga berdepan empat pertuduhan di bawah Bab 8(1) Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68) kerana memandu kereta jenis Toyota Soluna yang mempunyai cukai jalan raya mansuh pada 30 April 2013.

Antara kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah pada tarikh-tarikh tertentu, iaitu pada 6 April 2015 sekitar jam 9.30 malam di Kawasan Jalan Belimbing kemudian pada 25 April 2015 pada jam 7.30 malam di kawasan rumah pekerja, Jalan

Batu Bersurat, manakala pada 27 April 2015, kira-kira pada jam 6.45 petang, di kawasan Jalan Bunut dan kesalahan seterusnya dibuat pada 17 Mei 2015 iaitu kira-kira pada jam 9.00 malam, di kawasan bengkel kereta Jalan Bunut.

Di Mahkamah Majistret, kesemua pertuduhan dibacakan kepada Lans Koperal 4555 Sahlan di hadapan Majistret Kanan Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim.

Lans Koperal 4555 Sahlan mengaku bersalah ke atas semua pertuduhan di bawah Bab 8(1) Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68) dan mengaku tidak bersalah ke atas semua pertuduhan di bawah Bab 420 Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).

Mahkamah menetapkan tarikh 21 Disember 2020 pada jam 2.00 petang untuk menetapkan tarikh perbicaraan. Lans Koperal 4555 Sahlan telah dilepaskan dengan ikat jamin sebanyak BND5,000 atau dua orang penjamin tempatan dan dengan syarat-syarat berikut iaitu tidak melakukan kesalahan-kesalahan lain dan memaklumkan kepada BMR sebarang perubahan alamat.

Hukuman maksimum bagi pertuduhan di bawah Bab 420 Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) ini adalah tujuh tahun penjara dan denda. Manakala pertuduhan di bawah Bab 8(1) Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggagal 68) adalah tiga bulan penjara dan denda sebanyak BND4,000.

Dipenjara 24 bulan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Seorang lelaki, warga tempatan, berumur 51 tahun, yang melakukan kesalahan pecah cermin kereta mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman 24 bulan penjara, di bawah Seksyen 426 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, di Mahkamah Majistret, kelmarin.

Defendan, Cheong Foo Keong didakwa melakukan pertuduhan pertama, iaitu membaling batu ke cermin sebelah kiri kereta Daihatsu Terios, berdaftar

BAB8480, kepunyaan mangsa (wanita), pada 25 November 2020, di kawasan sekitar Jalan Kianggeh.

Sementara, pada 14 November 2020, defendan melakukan pertuduhan kedua dengan menendang dan menghancurkan kereta Citroen, berdaftar BAB4146, pada bahagian pintu penumpang sebelah kiri milik mangsa (lelaki), di letak kereta sekitar Bangunan Pavo Point, di Jalan Kianggeh.

Pada hari yang sama, 14

November 2020, defendan sekali lagi mengulangi kesalahannya, iaitu bagi pertuduhan ketiga dengan membaling batu ke hadapan, ke kiri dan pada bahagian cermin sebelah kiri penumpang kereta Hyundai Accent, berdaftar BAN7458, dimiliki oleh mangsa (wanita) semasa kejadian yang berlaku, di Jalan Utama Berakas.

Majistret Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim menjatuhkan hukuman 24 bulan tersebut adalah wajar atas tiga pertuduhan tersebut, malahan tidak ada yang perlu dikatakan lagi untuk mengurangkan hukuman tersebut.

Disebabkan kerosakan yang

dilakukan defendan, mangsa bagi pertuduhan pertama dan ketiga banyak mengalami kerugian wang untuk memperbaiki kereta masing-masing, namun tidak ada sebarang kecederaan bagi pertuduhan pertama dan ketiga.

Dalam rekod kesalahan, defendan sebelum ini pernah melakukan kesalahan yang serupa pada tahun 2017, di mana lima pertuduhan direkodkan, di bawah Seksyen 426 akta yang sama, manakala pada tahun 2019, defendan dijatuhkan hukuman lapan bulan penjara dengan satu kesalahan.

Mahkamah juga mengambil kira atas kesalahan sebelumnya juga pengakuan awal dia bersalah, maka Majistret Kamaliah Fadhilah memutuskan agar hukuman 15 bulan dikurangkan menjadi 10 bulan bagi kesalahan pertama dan kedua dijalankan serentak dan kesalahan ketiga dengan hukuman enam bulan berjalan dengan hukuman yang lain, bermula 7 Disember 2020.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad, di bawah Seksyen 426 akta yang sama.

Didenda kerana gagal kembalikan pulangan cukai

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Disember. - Sebuah syarikat dikenakan hukuman denda kerana gagal mengembalikan pulangan cukai pendapatan tahunan, di bawah Seksyen 52 (1) Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Denda BND1,000 bagi setiap pertuduhan yang diputuskan oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid kepada

Syarikat Sun Wei Co. Sdn. Bhd., di Mahkamah Majistret, hari ini.

Syarikat Sun Wei Co. Sdn. Bhd. didakwa atas dua pertuduhan kerana gagal mengembalikan pulangan cukai pendapatan tahunan pada 30 Jun 2017, di mana ia berakhir pada 31 Disember 2016; dan gagal mengembalikan pulangan cukai pendapatan tahunan pada 30 Jun

2018 yang berakhir pada 31 Disember 2017.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammd Qamarul Affyian bin Abdul Rahman juga memaklumkan mahkamah bahawa syarikat terbabit tidak mempunyai rekod kesalahan lampau, di bawah Seksyen 52 (1) Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.





کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

CEGAH INFLUENZA (FLU)

Tanda-Tanda Influenza:



Demam panas



Selsema



Sakit tekak



Batuk



Sakit kepala



Sakit badan



Sukar bernafas



Cirit birit
(khususnya dikalangan
kanak-kanak)

Bagaimana Influenza Merebak?




Influenza merebak melalui titisan saluran pernafasan, terutamanya apabila pesakit batuk atau bersin.



Titisan cecair pernafasan boleh mencemari tangan dan permukaan persekitaran.



Seseorang boleh dijangkiti apabila berada dalam jarak kurang dari 1 meter dari pesakit yang batuk atau bersin, atau apabila bersentuhan dengan permukaan yang tercemar.



123

| www.moh.gov.bn

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



PSC.BN



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

IKLAN JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

JAWATAN :
PEKERJA TINGKAT III
(BERGAJI HARI)

TINGKATAN :
D (BND23.00 - BND25.80 SEHARI)
ATAU
C (BND21.60 - BND23.00 SEHARI)

JABATAN :
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

KEKOSONGAN : TIGA (3) JAWATAN SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN

1. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kelulusan Akademik :

2. a) TINGKATAN D (BND23.00 - BND25.80 SEHARI) :

i) Lulus 1 'O' hingga 3 'O' Level

b) TINGKATAN C (BND21.60 - BND23.00 SEHARI) :

i) Mempunyai kelulusan 'N' Level / City & Guilds / NVC/ NTC 3 / Lulus BJCE / PMB

Kelebihan-Kelebihan :

3. Berkebolehan dalam menggunakan komputer.

4. Berkebolehan menaip aplikasi jawi menggunakan komputer.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Membantu dalam hal ehwal pengurusan pentadbiran termasuk perkeranian, menaip segala persuratan, menyediakan memorandum, minit, urusan pemfailan, menyediakan data maklumat pejabat di Fakulti / Pusat / Bahagian-bahagian di mana akan ditempatkan.

2. Membantu penyemakan (*Proof reading*), sistem pemfailan susulan termasuk memproses permohonan dan Pentadbiran Pejabat.

3. Bertanggungjawab dalam menyimpan dan memastikan fail-fail dalam keadaan teratur dan sempurna.

4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana fungsi Fakulti / Pusat / Bahagian di UNISSA di mana ditempatkan bertugas setelah dilantik.

5. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki termasuk di luar masa bekerja biasa, hari-hari kelepasan awam dan di mana-mana tempat di bawah kawalan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LAIN :

i. Mempunyai perwatakan yang baik dan dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab serta dapat menjalankan tugas-tugas dengan penyeliaan yang minima.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temu duga.

iii. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Tatacara Permohonan :

Borang permohonan - Form P1

(Borang P1) bolehlah didapati dan diisi melalui *online* di laman sesawang : <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p1/>. Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui *online*, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk menghantar e-mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +673 2462000 sambungan 184 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan :
Isnin, 7 Disember 2020

Tarikh Tutup Permohonan :
Isnin, 21 Disember 2020

Rujukan Iklan :
UNISSA / IJK / PT3GH / 004 / 2020



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

INVITATION FOR EXPRESSION OF INTEREST (EOI) FOR i-USAHAWAN PROGRAMME

EXPRESSION of Interest (EOI) forms and further details can be obtained from our website at www.des.gov.bn. The Expression of Interest should reach us not later than Wednesday, 23rd December 2020, 3.30 pm.



JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI



JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN KASTAM 26 / 2020

TAWARAN BAGI KERJA MENAIK
TARAF JALAN DAN TEMPAT
PENURUNAN PERAHU
PEJABAT BPUU KASTAM
MARINE MUARA,
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
tidak lewat dari Selasa,
22 Disember 2020, jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN



PEMBETULAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

No Tawaran :
JPPK / LTN / 17 / 2020

Tajuk Tawaran :
DESIGN, SUPPLY, INSTALLATION
AND REFURBISHMENT
INCLUSIVE OF
MAINTENANCE FOR
LIQUIFIED PETROLEUM GAS
(LPG)
AND FIRE SUPPRESSION
SYSTEMS FOR
RBAF COOKHOUSE

Tarikh Tutup Tawaran :
SELASA, 22 DISEMBER 2020
[JAM 2.00 PETANG]



JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**NOTIS JUALAN
LELONG SECARA
SEBUT HARGA TERTUTUP BAGI
4 BUAH KENDERAAN KERAJAAN
(JENIS TRAK)
KEPUNYAAN JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA**

SUKACITA adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam membukakan Tawaran Lelong Sebut Harga bagi Kenderaan seperti yang disenaraikan di bawah ini :

**LOT 1.
KETERANGAN :**
**(1) BUAH MITSUBISHI TIPPER
TRUCK FK-415
BILANGAN PENDAFTARAN :**
BG 7142

**LOT 2.
KETERANGAN :**
**(1) BUAH MITSUBISHI TIPPER
TRUCK FK-415
BILANGAN PENDAFTARAN :**
BG 7321

**LOT 3.
KETERANGAN :**
(1) BUAH MITSUBISHI TIPPER

**TRUCK FK-415
BILANGAN PENDAFTARAN :**
BG 7319

**LOT 4.
KETERANGAN :**
**(1) BUAH HINO TRUCK WITH
CARGO CRANE
BILANGAN PENDAFTARAN :**
BG 5277

TEMPAT :
Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Simpang 15, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam (berhadapan dengan Kompleks Sukan JKR).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Borang Sebut Harga boleh didapati dengan harga **BND15.00** sekeping bagi setiap satu (1) Lot barang yang ditawarkan. Borang boleh diperoleh di **Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini, dengan menggunakan sampul surat tertutup dan bertulis dengan terang.

**TAWARAN LELONG
BAGI KENDERAAN
(JENIS TRAK)
JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga seperti yang

dinyatakan di bawah ini :

**Peti Sebut Harga
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup Tawaran pada :
**17 Disember 2020 (Khamis),
jam : 2.00 Petang.**

Tempat dan Waktu melihat kenderaan yang akan dilelong :

Di Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam (berhadapan dengan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya) pada
**15 Disember & 16 Disember 2020
bermula Jam 9.00 Pagi hingga 11.00
Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00
Petang.**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

No Tawaran :
JPPK / LTK / 50 / 2020

Tajuk Tawaran :
**STRUCTURAL REPAIR WORKS
AT CAWANGAN LATIHAN
SEMBOYAN,
PENANJONG GARRISON**

TARIKH TUTUP:
Selasa, 29hb Disember 2020
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 256 (2)

**SUPPLY OF DOG MEDICINES FOR
GURKHA RESERVE UNIT -
FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**TARIKH TUTUP
DILANJUTKAN KEPADA :**
SELASA, 5 JANUARI 2021,
[TIDAK LEWAT JAM
2.00 PETANG]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM033 / 2020

NAMA PROJEK :
**KERJA-KERJA PEMBAIKAN
KE ATAS 4 UNIT,
BLOK II KONDOMINIUM
SEJAHTERA,
JALAN PULAU, E,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP :
5 JANUARI 2021 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

1. BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 32 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
**TERM CONTRACT FOR
OPERATION AND MAINTENANCE
WORKS OF AIR-CONDITIONING
SYSTEM FOR GROUP LOCATION 3
FOR 3 YEARS**

TARIKH TUTUP :
5 JANUARI 2021 (SELASA),



**TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. BIL. TAWARAN :
KK / 175 / 2020 / 2021 / MOH (TC)

KETERANGAN :
**RENTAL SERVICES OF
MINI BUS, VAN AND
FOUR WHEEL DRIVE
VEHICLES FOR
THE AMBULANCE SERVICES,
THE MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF SEVEN
(7) YEARS**



TARIKH TUTUP :
19 Januari 2021
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN KESIHATAN


PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN

- 1. BIL. TAWARAN :**
KK / 164 / 2020 / 2021 / JPR (TC)
- KETERANGAN :**
SUPPLY AND DELIVERY OF BICARBONATE DIALYSATE PART A AND PART B FOR DEPARTMENT OF RENAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS
- 2. BIL. TAWARAN :**
KK / 165 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DEPARTMENT OF RENAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

- 3. BIL. TAWARAN :**
KK / 166 / 2020 / 2021 / JPR (TC)
- KETERANGAN :**
SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DEPARTMENT OF RENAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS
- 4. BIL. TAWARAN :**
KK / 167 / 2020 / 2021 / LAB (TC)
- KETERANGAN :**
TO SUPPLY AND DELIVER LABORATORY CONSUMABLE (PART II) FOR CLINICAL CHEMISTRY LABORATORY, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS USAGE

5. BIL. TAWARAN :
PHARM / 168 / 2020 / 2021

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH

6. BIL. TAWARAN :
KK / 169 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
TO PURCHASE HEARING AID ANALYZER FOR AUDIOLOGY SERVICES, CHILD DEVELOPMENT CENTER, MINISTRY OF HEALTH

7. BIL. TAWARAN :
KK / 170 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE ITEMS FOR GENERAL SURGERY OPERATING THEATRE AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

8. BIL. TAWARAN :
KK / 171 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE ITEMS FOR UROLOGY SURGERY, OPERATING THEATRE UNIT AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

9. BIL. TAWARAN :
KK / 172 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE ITEMS (SENSOR WIRETM DUAL-FLEX PTFE-NITIMOL WITH HYDROPHILIC TIP) FOR UROLOGY SURGERY, OPERATING THEATRE AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

10. BIL. TAWARAN :
KK / 173 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE ITEMS FOR OTORHINOLARYNGOLOGY DEPARTMENT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

11. BIL. TAWARAN :
KK / 174 / 2020 / 2021 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLE ITEMS FOR OTORHINOLARYNGOLOGY DEPARTMENT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

TARIKH TUTUP :
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
22 DISEMBER 2020



KEMENTERIAN TENAGA

KEMENTERIAN TENAGA

Bilangan Sebut harga :
ME / SEBUTHARGA / 2020-2021 / 18

Tajuk Sebut harga :
'PROVISION ON SAFETY MANAGEMENT SYSTEM AUDITING TRAINING FOR AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (AENBD)'

Tarikh Tutup :
Sabtu,
4 Jamadilawal 1442H /



19 Disember 2020
Tidak lewat jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1150 / 2020

Tajuk Projek :
REPLACEMENT WORKS TO EXISTING LIGHTS WITH LED MOTION SENSOR / RADAR SENSOR TUBE / BULB TO 1ST AND GROUND FLOOR OF MINISTRY OF HOME AFFAIRS, BANDAR SERI BEGAWAN.

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1150/ 2020

Tarikh Tutup :
16 Disember 2020 (Rabu)


JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :
RTB / K / 144 / 20 - 21

TAJUK SEBUT HARGA:
PENGAMBARAN DAN PENYUNTINGAN PROGRAM TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB

Tarikh Tutup :
Rabu, 30 Disember 2020
(jam 2.00 Petang)


JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Tawaran:
TERM CONTRACT FOR REPAIR WORKS TO RUNWAY, TAXIWAY, APRON AND ACCESS ROADS AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT FOR A PERIOD OF EIGHTEEN (18) MONTHS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - FSOR
AME / 2020 - 2021 / SH-108



Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 23 Disember 2020
(hingga jam 2.00 Petang)



Apa Pendapat Biskita?

Majikan perlu bersikap adil, tiada pilih kasih 'diskriminasi'

PENGHARGAAN adalah perlu diberikan kepada kakitangan di dalam sesebuah organisasi. Ia menjadi rangsangan yang amat berguna untuk meningkatkan prestasi individu, prestasi kumpulan dan prestasi organisasi. Penghargaan boleh dijadikan sebagai motivasi terhadap pekerja. Usaha-usaha untuk meningkatkan pencapaian organisasi adalah suatu usaha yang berterusan. Ramai orang berkata, "Wang mudah diperoleh tetapi tidak bagi pekerja yang baik". Kualiti pekerja yang baik dapat membantu menaikkan pencapaian organisasi. Bagaimana situasi ini boleh dicapai? Apa Pendapat Biskita pada kali ini turut mendapatkan beberapa pandangan daripada orang ramai mengenainya.

"Pekerja yang diberi motivasi yang tinggi boleh menghasilkan kejayaan. Mereka tahu apa yang mereka perlu lakukan dan kemudiannya mereka melakukannya dengan jayanya. Pekerja yang bermotivasi tinggi peka kepada perubahan di sekeliling mereka dan mereka berubah mengikut persekitaran. Pekerja yang bermotivasi akan bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat hidupnya di samping memenuhi objektif organisasi. Proses memotivasikan pekerja bermula dengan langkah mengikuti pergerakan mereka. Penelitian perlu dibuat kerana setiap orang mempunyai cita rasanya yang tersendiri. Matlamat motivasi adalah untuk memastikan mereka sehaluan dengan kehendak organisasi. Penyataan seperti "Pengurus mesti memperoleh apa yang dia mahukan daripada pekerjanya, sama ada mereka mahu, mereka rela atau tidak mahu melakukannya," adalah sangat tidak sesuai. Setiap majikan dalam negara kita perlu melaksanakan segala tanggungjawab mereka sebagai ketua di sesebuah tempat kerja dengan profesional dan adil. Pihak majikan tidak boleh mengambil sikap pilih kasih ataupun melakukan amalan diskriminasi terhadap pekerja mereka sendiri. Sikap pilih kasih serta amalan diskriminasi bukan sahaja akan merosakkan suasana dan keharmonian di tempat kerja malah turut akan menjejaskan reputasi tempat kerja berkenaan di mata masyarakat umum. Pihak majikan harus tahu menilai tahap kebolehan serta sumbangan setiap pekerja mereka. Pihak majikan perlu memberi penghargaan yang sewajarnya kepada pekerja mereka yang berjaya melaksanakan sesuatu jenis tugas yang telah diamanahkan kepada mereka". - **Mohd. Salleh Ariffin Mohd Zaini, Lumut.**

"Dalam memberikan motivasi dan juga keselesaan kepada pekerja baik di sektor kerajaan mahupun swasta di mana pihak majikan tidak boleh memandang rendah terhadap mana-mana pekerja mereka yang tidak berjaya memenuhi tugas yang telah ditetapkan. Pihak majikan perlu rajin untuk duduk berbincang dengan mana-mana pekerja mereka yang tidak memenuhi syarat tugas pekerjaan yang ditetapkan serta mendengar dan memahami dengan baik punca yang menyebabkan pekerja mereka gagal melakukan sesuatu jenis tugas dengan baik. Setiap luahan hati pekerja perlu didengari dengan baik serta diberi penuh perhatian oleh setiap majikan. Pihak majikan perlu memberi pendedahan serta latihan kemahiran yang secukupnya kepada setiap pekerja mereka supaya pekerja mereka dapat melaksanakan segala tugas dengan baik dan sempurna". - **Zambri Omar, BSB.**

"Bagi mengelakkan pihak majikan dalam negara ini mengambil sikap pilih kasih ataupun melakukan amalan diskriminasi terhadap pekerja mereka, sudah sampai masanya pihak kerajaan menerima pakai cadangan untuk mewujudkan satu akta khusus bagi menangani masalah pilih kasih ataupun diskriminasi di tempat-tempat kerja dalam negara kita. Cadangan akta khusus mengenai perkara ini dilihat menjadi satu keperluan untuk dilaksanakan dalam negara kita bagi membendung sebarang perkara berbangkit berkaitan dengan masalah pilih kasih ataupun diskriminasi yang boleh berlaku di tempat kerja. Cadangan akta khusus terbabit juga dilihat penting kerana melaluinya ia dapat memberi keadilan kepada para pekerja serta pada masa yang sama dapat memberi satu bentuk perlindungan yang lebih jelas terhadap para pekerja dalam negara kita baik di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta daripada sebarang bentuk amalan tidak sihat yang berlaku di tempat kerja. Masalah pilih kasih dan diskriminasi yang berlaku di sesebuah tempat kerja boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti dari segi jantina atau gender dari aspek agama atau kepercayaan, dari aspek bangsa, warna kulit dan keturunan, dari segi umur, diskriminasi terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi. Masalah pilih kasih dan diskriminasi yang berlaku di tempat kerja ini akan menghasilkan impak negatif bukan sahaja terhadap diri pekerja itu sendiri malah turut akan menjejaskan reputasi dan produktiviti jabatan, organisasi atau syarikat yang terlibat dengan masalah berkenaan". - **Pn. Mardiana Izzati PHR, BSB.**

Pada pendapat saya selaku penulis bagi ruangan ini berpendapat di mana sudah sampai masanya untuk negara kita memiliki akta khusus bagi membendung masalah pilih kasih dan diskriminasi yang berlaku di tempat kerja supaya sebarang bentuk amalan pilih kasih dan sikap diskriminasi yang berlaku di tempat kerja sama ada secara langsung atau tidak langsung dapat dinyatakan dengan lebih jelas melalui peruntukkan undang-undang khusus mengenainya. Melalui pengenalan akta khusus terbabit juga, sebarang tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan segera dan dengan lebih berkesan demi melindungi hak dan kebajikan semua pekerja.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :

pelita.brunei@information.gov.bn

i. Usaha Membantu Golongan OKU.

ii. Media Sosial Teman Atau Lawan.



Kenali Bahasa Brunei

tabulangit bermaksud tercekik atau tersangkut makanan di kerongkongan.

Contoh pemakaian kata : jangan luan barabut makan karang **tabulangit**.

tabulahak bermaksud muntah kerana terlalu kenyang.

Contoh pemakaian kata : luan banyak makannya masa sungkai atu, **tabulahak**tah pulang.

buhang bermaksud marak atau menjulang tinggi tentang api.

Contoh pemakaian kata : lagi tia **buhang** api atu takana angin.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG PENAPAR



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PENYARAM

BAHAN-BAHANNYA :

1 cawan gula anau (apong)
1 cawan tepung beras
1 1/2 cawan tepung gandum
1 1/2 cawan air

Minyak untuk menggoreng.

CARA MEMBUATNYA :

Satukan tepung beras dan tepung gandum kemudian

masukkan air dan uli sehati. Setelah itu, masukkan gula apong kacau sehati dan tapiskan. Goreng dengan minyak yang sedikit dan api yang perlahan. Tak perlu diperap.

Kembangkan bakat penulis muda



KETUA Bahagian Sastera dan Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Para peserta Bengkel Penulisan Cerpen diharap untuk terus berusaha menghasilkan karya khususnya dalam menghayati hakikat sastera, iaitu 'Sastera itu tidak statik tapi dinamik'.
Schubungan itu, Ketua Bahagian

**Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

Sastera dan Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin menyorotkan kepada peserta supaya memberi fokus sepenuhnya dan perlu aktif melibatkan diri di sepanjang bengkel diadakan.

Beliau selaku Pengerusi Program Penulis Muda 2020 juga menyatakan bahawa impak yang ingin dicapai dari bengkel ini nanti para peserta akan menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah cerpen di akhir bengkel.

Kemudian, tambahnya, pembimbing akan memantau (menyemak) cerpen-cerpen peserta sehingga bersih dan setelah penilaian terhadap cerpen berkenaan yang mempunyai kualiti barulah akan diterbitkan ke dalam Majalah Bahana, DBP.

Lebih 20 peserta menyertai bengkel kali ini di bawah bimbingan Dr. Chong Ah Fok yang dikenali dengan nama pena Eyuman. Beliau mula menceburi bidang penulisan sejak 1975 dalam genre sajak, cerpen, esei, kritikan

sastera, novel dan drama (radio dan televisyen).

Sepanjang tiga hari bengkel tersebut, sebanyak sembilan sesi akan diadakan untuk membimbing penulis muda bagaimana menghasilkan cerpen yang berkualiti.

Dalam bengkel tersebut, pembimbing akan memperkenalkan beberapa teknik penulisan cerpen dengan memaparkan beberapa contoh cerpen daripada penulis-penulis mapan dari Negara Brunei Darussalam dan juga penulis-penulis dari luar negara.

Bengkel Penulisan Cerpen (merupakan bengkel ketiga ia diadakan) adalah lanjutan daripada Program Penulis Muda yang dirasmikan pada 15 Oktober 2019 dan bengkel pertama, iaitu Bengkel Asas Penulisan Kreatif dan kemudiannya bengkel kedua iaitu Bengkel Penulisan Sajak.

Program Penulis Muda merupakan projek tahunan DBP melalui Bahagian Sastera dan



ANTARA peserta yang mengikuti bengkel tersebut, terdiri daripada penulis-penulis muda tempatan.

Majalah bagi mewujudkan sumber manusia dan mampu menambah jumlah penulis generasi baharu tanah air (penulis muda) berbakat dan berpotensi dengan imej yang lebih dinamik, agresif dan kreatif.



BENGKEL tersebut diselenggarakan oleh Pembimbing Bengkel, iaitu Dr. Chong Ah Fok.

Operasi Bersepadu giat dijalankan



BAHAGIAN Perlesenan dan Penguatkuasaan serta Unit Gerai Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan semasa mengadakan Operasi Bersepadu.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan serta Unit Gerai Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan meneruskan lagi Operasi Bersepadu di beberapa buah gerai di Daerah Brunei dan Muara pada 5 Disember lalu.

Lima buah gerai sasaran iaitu Gerai Muafakat Kampung Selayun, Gerai Kampung Jangsak, Gerai Pantai Jerudong, Gerai Kampung Lambak Kiri dan Gerai Kampung Lambak Kanan.

Sebanyak 41 premis perniagaan diperiksa dan sebuah premis makanan dikenakan denda kompaun kerana tidak ada menyediakan alat pemeriksaan

suhu badan dan dikeluarkan denda serta-merta sebanyak BND100 di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggall 204).

Kementerian Kesihatan ingin menasihati orang ramai serta pemilik-pemilik perniagaan untuk sentiasa peka dan mematuhi peraturan-peraturan Kementerian Kesihatan bagi bekerjasama dalam membendung penularan jangkitan COVID-19.

Dalam operasi berasingan, JDBM juga mengeluarkan denda kompaun ke atas 11 buah syarikat perniagaan, iaitu Syarikat JHN Sdn. Bhd., Shahzad Restoran, My Tool Mart Sdn. Bhd., Mollah Supermarket Sdn. Bhd., Gedan Sdn. Bhd. dan Saiba Jaya Sdn. Bhd. dan dikenakan denda sebanyak BND500 ke atas kesalahan tanpa kebenaran yang sah menyimpan dan meletakkan

barang-barang jualan dan apa jua barang di atas kaki lima dan sebahagian jalan raya.

Syarikat OHI Sdn. Bhd juga dikenakan denda kompaun BND500 atas kesalahan tanpa kebenaran yang sah melonggokkan dan meninggalkan serta membuang sampah sarap berdekatan sungai dan tanah lapang.

Manakala Syarikat Seri Rafe Enterprise, Pakiza Enterprise Sdn. Bhd., MTK Enterprise dan Nur Sabina Enterprise dikenakan denda BND200 atas kesalahan tanpa kebenaran yang sah menyimpan dan meletakkan barang-barang jualan dan apa jua barang di atas kaki lima kawasan bangunan.

Pemilik perniagaan berkenaan diarahkan untuk tidak meletakkan apa jua barang di kawasan kaki lima dan kawasan letak kereta tanpa kebenaran serta memastikan kebersihan sentiasa di jaga dari semasa ke semasa dan tidak mengambil jalan mudah membuang di tempat yang tidak di benarkan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar yang boleh menyebabkan merebaknya penyakit berjangkit.

Setiap syarikat berkenaan diberi tempoh tujuh hari waktu bekerja untuk membayar kompaun berkenaan. Kegagalan menjelaskan kompaun boleh diambill tindakan ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggall 30) iaitu jika sabit kesalahan denda tidak melebihi BND1,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan seterusnya dan penjara tidak melebihi 3 bulan.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi menerusi talian +673 2381581 sambungan ke Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, JDBM.

Kenali permainan tradisional tempatan



BENGKEL Permainan Tradisional yang mengetengahkan permainan Congkak, Buah Lapas-Lapas, Salok-Salokan dan Pasang didedahkan kepada kanak-kanak dan ahli muda mudi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Daerah Tutong.

**Berita dan Foto :
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim**

TUTONG, Isnin, 7 Disember. - Cuti persekolahan merupakan waktu yang dinantikan oleh pelajar terutama kanak-kanak yang akan merebut peluang ini untuk melakukan aktiviti digemari dan bermanfaat sambil meluangkan masa bersama-sama ibu bapa dan ahli keluarga.

Justeru, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Daerah Tutong menyediakan pelbagai program bersempena dengan Cuti Persekolahan Penggal Akhir pada bulan Disember ini bermula jam 9.30 pagi hingga selesai.

Antara pengisian program termasuk Bengkel Permainan Tradisional Brunei yang disediakan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Muzium-Muzium. Bengkel tersebut diadakan selama dua hari bermula hari ini bagi memperkenalkan permainan-permainan tradisional tempatan khususnya kepada kanak-kanak dan ahli muda mudi perpustakaan berkenaan supaya permainan ini tidak pupus ditelan zaman.

Permainan-permainan tradisional seperti Buah Lapas-Lapas, Pasang, Congkak dan Salok-Salokan antara yang diketengahkan dan para peserta diberikan tunjuk ajar mengenai selok belok bagaimana permainan tersebut dilakukan dan peraturannya.

Dengan adanya bengkel ini, kanak-kanak dan ahli muda mudi perpustakaan akan dapat mengetahui dan terdedah dengan kepelbagaian permainan tradisional tempatan yang ada, sekali gus berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik yang betul untuk melakukan permainan tersebut.

Perpustakaan DBP, Cawangan Daerah Tutong dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang iaitu dari Isnin hingga Khamis dan Ahad, manakala pada Jumaat, dibuka mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.15 petang hingga 5.00 petang.

Sukaneka Perpaduan Bersama Penduduk Kampung Sungai Teraban

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



BELAIT, Isnin, 7 Disember. - Dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara penduduk Kampung Sungai Teraban dalam menggalakkan gaya hidup sihat, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Teraban akan menganjurkan 'Sukaneka Perpaduan Bersama Penduduk Kampung Sungai Teraban' yang akan diunkayahkan pada 13 Disember 2020.

Dalam temu bual Pengawas Am

PENGAWAS Am Acara, Ramli bin Haji Chi semasa ditemu bual.

Acara, Ramli bin Haji Chi bersama Pelita Brunei baru-baru ini, beliau menjelaskan mengenai penyertaan sukaneka tersebut.

Sukaneka berkenaan dibukakan kepada penduduk Kampung Sungai Teraban dan ahli-ahli keluarga yang ada talian kekeluargaan.

Acara akan dibuat dalam jangka sehari suntuk (satu hari) dan akan diadakan di kawasan tanah lapang Balai Raya Kampung Sungai Teraban bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Antara sukan dan aktiviti-aktiviti yang akan diunkayahkan ialah Pertandingan Mewarna; Pertandingan Keluarga Membawa Telor Dalam Sudu; Pertandingan Meneka Menghidu Bau Rempah Ratus; Pertandingan Menimbang Bola Dalam Kain Sarong; Pertandingan Melontar Bola Ping-pong Ke dalam Tray Telor; Pertandingan Mencari Duit Di Dalam Piring Yang Mengandungi Tepung; Pertandingan Mencari Duit Di Dalam Piring Yang Mengandungi Tepung; Pertandingan Makan Roti Bergantung; Pertandingan Makan Roti Bergantung; Pertandingan Meniup dan Memecahkan Belon; Pertandingan Memancing; Pertandingan Tarik Kalat (berundur); Pertandingan Tendang Bola Menuju Tayar; Melontar Dart Ke Belon; Pertandingan Boling Kelapa; Pertandingan anak Menandakan Ibu; Pertandingan Melilit Anak Dengan Kertas Tisu; Menyusun Surat Khabar; Treasure Hunt - Mencari benda Tersembunyi; dan Pertandingan Memutik Sampah Benda Tersembunyi Di Bawah Kerusi.

Penyertaan berkenaan dikategorikan kepada beberapa

slot, iaitu Terbuka Lelaki, Terbuka Perempuan, Individu Terbuka Kanak-kanak Lelaki, Kanak-kanak Perempuan dan Kategori Keluarga - empat sekeluarga.

Antara aktiviti yang dijalankan kelak akan dibuat secara santai dan

mesra di antara ahli jawatankuasa dan masyarakat sekitar Kampung Sungai Teraban dan akan dapat memupuk semangat kerjasama dan rasa tanggungjawab yang seharusnya diterapkan dalam amalan seharian.



Lebih ramai pekerja tempatan di sektor swasta

**Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengendalikan Banci Tahunan Perusahaan / Perniagaan (BTP) 2019 yang bermula Disember 2019.

Objektif utama BTP 2019 adalah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat perusahaan / perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

JPES telah mengeluarkan Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan / Perniagaan (BTP) 2019 yang memuatkan data mengenai profil dan prestasi perusahaan / perniagaan di sektor swasta pada tahun 2018 dan 2019.

Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Penemuan Ringkas BTP 2019 adalah seperti berikut, iaitu sebanyak 6,157 buah perusahaan telah melapor sebagai aktif pada tahun 2019, di mana 97.3 peratus (5,990 buah) adalah terdiri dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Terdapat 2,575 buah perusahaan yang bersaiz mikro, iaitu yang mempunyai kurang dari lima orang pekerja; 2,520 buah perusahaan kecil yang mempunyai antara lima hingga 19 orang pekerja; 895 buah perusahaan sederhana dengan 20 hingga 99 orang pekerja; dan 167 buah perusahaan selebihnya adalah bersaiz besar dengan 100 orang atau lebih pekerja.

Tiga kegiatan ekonomi terbesar ialah Perdagangan Borong dan Runcit dengan 2,104 perusahaan (34.2 peratus), diikuti oleh Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dengan 716 perusahaan (11.6 peratus); dan Pembuatan dengan 654 perusahaan (10.6 peratus).

Laporan mendapati lebih ramai pekerja tempatan memasuki pasaran kerja di sektor swasta, di mana bilangan mereka meningkat sebanyak 5.6 peratus dari 55,194 orang pada tahun 2018 kepada 58,283 orang pada tahun 2019.

Secara keseluruhan, jumlah pekerja sektor swasta meningkat sebanyak 3.9 peratus dari 111,686 orang (2018) kepada 116,013 (2019).

Perdagangan Borong dan Runcit adalah majikan yang terbesar melibatkan 24,925 pekerja (21.5 peratus).

Ini diikuti oleh Pembinaan (18,398 pekerja atau 15.9 peratus), Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Bantuan (14,780 pekerja atau 12.7 peratus) dan lain-lain.

Laporan juga mendapati jumlah pendapatan dari aktiviti perniagaan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus dari BND24.6 bilion pada tahun 2018 kepada BND25.1 bilion pada tahun 2019.

Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh aktiviti Perlombongan dan Kuari bernilai BND8,401.2 juta (33.4 peratus), diikuti oleh aktiviti Pembuatan sebanyak BND5,698.9 juta (22.7 peratus), dan aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak BND4,507.9 juta (17.9 peratus).

JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan di atas kerjasama yang diberikan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan bagi BTP 2019.

Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan / Perniagaan (BTP) 2019 boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES.

Sebarang pertanyaan mengenainya, bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian +673 2233344 sambungan 651 / 662 (waktu pejabat) atau e-mel ke economic.census@jpes.gov.bn ataupun melayari laman sesawang www.deps.gov.bn.

Amalan sikap menabung jamin masa depan

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Isnin, 7 Disember. - Untuk mempersiapkan keperluan masa depan yang lebih baik setiap individu perlu membuat persediaan dan perubahan bermula dari diri sendiri dengan cara menabung, di mana simpanan yang dilakukan mungkin untuk keperluan perbelanjaan majlis pernikahan atau berhasrat untuk membeli rumah dan sebagainya.

Menabung tidak hanya sekadar dibuat secara bulanan, menabung merupakan kegiatan rutin dan wajib yang harus dilakukan setiap hari. Ia harus menjadi sebuah kebiasaan jangka panjang sehingga tidak berasa berat untuk menyisihkan pendapatan setiap minggu atau bulan.

Menabung juga tidak hanya menyimpan pendapatan setiap bulan, namun tabiat menabung juga dapat dilaksanakan secara harian dengan mengubah kebiasaan.

Pada kebiasaan kebanyakan orang yang bekerja menerima gaji dan menabungkan kewangan mereka di bank, karena bank dianggap sebagai tempat yang selamat dan dapat memberikan bunga bagi nasabah. Namun pada hakikatnya, masih banyak tempat dan cara lain untuk menabung.

Pelita Brunei dalam temu bual bersama Dayang Napiah binti Bujang, 55 tahun, baru-baru ini menjelaskan di mana amalan

menabung perlu dipupuk kepada anak-anak sejak kecil supaya mereka tahu bahawa menabung merupakan keperluan penting ketika benar-benar dalam berkeperluan dan untuk masa tua.

Ujarnya, amalan menabung juga amat digalakkan bagi orang dewasa, terutama yang masih bekerja memandangkan menabung amalan terbaik untuk perancangan masa depan yang lebih terjamin.

Sementara itu, bagi Dayang Salamah Haji Dollah, 62 tahun, amalan menabung memang perlu, terutama dalam hal suka duka, bahkan menabung merupakan salah satu cara dalam pengelolaan kewangan yang bertujuan untuk menyiapkan dana untuk masa depan.

Pada kesimpulannya, menabung juga berfungsi untuk menjamin kestabilan kewangan sekiranya mengalami hal yang tidak diinginkan kemudian hari. Oleh itu, sebelum berdepan dengan pelbagai masalah di masa akan datang, kita mestilah membuat persiapan bijak agar kita tidak dilanda musibah dalam keadaan tidak bersedia. Wang yang kita peroleh melalui pekerjaan boleh disimpan di dalam bank atau juga tabung. Biarlah kita mula menabung atau menyimpan walaupun dengan jumlah yang sedikit pada awalnya kerana sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit kerana itu dapat dilihat amalan menabung sudah pasti memberi impak positif kepada kita pada masa depan.



MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu, 7 December, 1960.

Ranchangan Minggu Bahasa Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pada pertengahan bulan February tahun hadapan atau selepas Hari Raya Puasa, Minggu Bahasa akan di-adakan di-seluruh negeri sa-bagai langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu oleh penduduk2 negeri Brunei sa-suai dengan maksud Perlembagaan negeri Brunei.

Keputusan ini telah di-ambil oleh Jawatan Kuasa Peranchang Minggu Bahasa yang bersidang pada 26 November lepas di-pengerusiakan oleh Yang Berhormat Inche' Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara.

Dasar pokok Minggu Bahasa yang akan di-adakan itu ia-lah bertujuan :

- ◆ Menggalakkan penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu;

- ◆ Menyatakan chita2 Kerajaan menjadikan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di-negeri ini; dan

- ◆ Memberi peluang kepada penduduk2 yang bukan Melayu di-negeri ini supaya menggunakan bahasa Melayu yang di-akui menjadi bahasa rasmi di-negeri ini.

Setia Usaha Jawatan Kuasa tersebut, Inche Umar bin Muhammad berkata bahawa Minggu Bahasa yang akan di-adakan itu tidak-lah jauh perbezaan-nya dengan apa yang telah di-buat di-Malaya dengan mengadakan ranchangan2 yang tertentu.

Ranchangan2 untuk menjayakan Minggu Bahasa itu ia-lah:

- ◆ Kempen bahasa Melayu yang di-tujukan kepada semua pejabat2 kerajaan.

- ◆ Kempen bahasa Melayu yang menggunakan poster2 yang bertulis seperti Bahasa Jiwa Bangsa, Gunakan Bahasa Melayu dan lain2 yang di-tampalkan di-kereta2, tembok2, gudang2, perniagaan, pejabat2 dan lain2

TARIKH CHUTI SEKOLAH

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Brunei akan tutup kerana kelepasan penggal akhir tahun mulai pada 17 December.

Sekolah2 itu akan di-buka semula pada 2 January hadapan.

dan di-tayangkan di-panggung2 wayang;

- ◆ Peraduan2 sharahan, sajak, karangan, bahath, nyanyi—yang akan di-ambil bahagian oleh lelaki dewasa Melayu dan bukan Melayu; perempuan dewasa Melayu dan bukan Melayu dan murid2 sekolah Melayu dan bukan Melayu;

- ◆ Mengadakan pameran buku2 Melayu;

- ◆ Lagu Minggu Bahasa akan di-pancharkan oleh Radio Brunei pada atau sa-belum menjelang Minggu Bahasa; dan

- ◆ Sandiwara yang berunsurkan khas Minggu Bahasa akan di-adakan.

Peraduan2 tersebut akan di-adakan dari peringkat da'erah kemudian baharu ka-peringkat negeri.

Sementara itu sa-buah badan Jawatan Kuasa yang bertugas untuk melaksanakan ranchangan tersebut telah di-lantek yang terdiri dari:

Bahagian kempen: Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Yusuf (Pengerusi), Inche' Idris Ahmad Shah dan Yang Berhormat Inche' Hashim bin Tahir.

Bahagian peraduan: Inche' Umar bin Muhammad (Pengerusi), Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Othman, Inche' Musib bin Chik, Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan Inche' Mustapha bin Yusof.

Bahagian pameran: Inche' Md. Husain bin Md. Yusuf (Pengerusi) dan Inche' Masri bin D.H. Yusof.

Bahagian sandiwara: Inche' Yusuf Embee (Pengerusi), Inche' Abd. Wahab bin Muhammad dan Inche' Jaya bin Abd. Latif.

KAMPONG AYER SEKARANG DAPAT BEKALAN AYER

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang pekerja Pejabat Kerja Raya di-bawah Jurutera Ayer, Tuan M.J. Caldwell, telah berjaya membenamkan saloran ayer daripada getah melintang Sungai Brunei pada 15 November lepas.

Saloran getah yang 8 inchi bulatan-nya dan 1,190 kaki panjang itu telah memberi bekalan ayer bersih kepada penduduk2 Kampong Ayer bagi kali pertama-nya.

Saloran getah itu telah di-buat khas supaya ia terapong2 bila kosong dan tenggelam jika berisi ayer. Pembuat-nya telah memberi jaminan bahawa saloran itu tahan sa-kurang2-nya 15 tahun dengan tidak payah di-jaga.

Ranchangan memberi bekalan ayer bersih kepada Kampong Ayer telah di-jalankan lebeh kurang 18 bulan dahulu dan di-jadualkan siap dalam bulan April tahun hadapan. Ia-nva di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$850,000.

Sa-lain dari saloran besar 8 inchi itu saloran 4 dan 6 inchi

bulatan-nya juga telah di-benamkan di-lain2 bahagian sungai supaya lalu lintas tidak tergendala.

Jenis saloran yang banyak sekali di-gunakan ia-lah daripada besi. Saloran besi 4, 6 dan 8 inchi bulatan berjumlah 19,300 kaki panjang-nya telah di-pasang di-atas tiang2 concrete di-kawasan2 yang tohor.

Tiang2 concrete yang mendukung saloran2 besi telah di-reka supaya dapat titi2 yang kuat di-bena menggantikan titi2 kayu yang tidak berapa tegap itu.

Sekarang titi sa-panjang 6,400 kaki telah di-bena untuk menghubungkan satu kampong dengan satu kampong lain di-Kampong Ayer.

Ayer di-dapati dari kolam ayer Bandar Brunei. Saloran yang 8 inchi itu chukup besar-nya untuk memberi bekalan ayer 12,000 orang yang di-anggarkan tinggal di-Kampong Ayer.

Tetapi ayer dari saloran itu mengalir atas kadar 900 gallon dalam satu minit ia-itu chukup banyak untuk membekalkan 16,000 orang dengan hitungan penggunaan sa-banyak 40 gallon sa-orang pada sa-hari.

Kekuatan tekanan ayer dalam saloran itu juga menchukupi untuk mengatasi kejadian kebakaran jika berlaku ia-itu 26 paun bagi satu inchi persegi.

TEMASHA HARI PELAJAR MURID2

BANDAR BRUNEI. —

Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 Sultan Omar Ali Saifuddin College akan mengadakan satu temasha "Hari Pelajar" di-dewan maktab itu pada 16 December hadapan.

Di-antara achara yang akan di-langsungkan di-temasha itu ia-lah peraduan2 sharahan, bahath, membacha sajak dan nyanyian Melayu asli.

Satu pertandingan akan terbuka kepada orang ramai ia-itu pertandingan nyanyian Melayu asli. Lain2 pertandingan adalah terbuka kepada murid2 sekolah.

Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 S.O.A.S. College juga akan mempersembahkan sa-buah tablo mengenai pelajar dan tugas-nya terhadap negara, tarian2, lawak jenaka dan ranchangan "Menduga Akal".

Temasha tersebut akan di-adakan pada pukul 2.30 petang dan pada pukul 7.30 malam. Tiket2 berharga \$1.00 untuk orang2 dewasa dan lima puluh sen untuk penuntut2 sedang di-jual oleh persatuan tersebut.

Berhubung dengan sambutan tersebut, Inche Muhammad bin Haji Seruddin, Setia Usaha, Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 S.O.A.S. College menyatakan bahawa tujuan besar mengadakan sambutan itu ia-lah untuk memperkembangkan bahasa Melayu.

Peraduan kebersehan kedai kopi

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan kebersehan kedai2 kopi di-sini telah di-adakan baharu2 ini di-bawah anjoran sharikat Lever Brothers (Malaya) Ltd.

Pemenang2 peraduan itu adalah seperti di-bawah ini:—

Pertama — Kedai Kopi Hai Guan. Kedua — Kedai Kopi Chuan Guan. Hadiah2 khas — Kedai2 Jing Chew, Sir Tai Peng, Wah Chuan dan Lai Wah.



Pekerja2 Pejabat Kerja Raya duduk di-atas saloran ayer daripada getah sa-belum saloran itu di-benamkan di-dalam Sungai Brunei pada 15 November lepas.



Industri akuakultur berkembang pesat

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Jabatan Penerangan

AKUAKULTUR iaitu proses penternakan atau pengeluaran kehidupan laut di dalam persekitaran yang terkawal merupakan salah satu industri tumpuan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Selain itu, akuakultur juga merangkumi segala aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran produk hidupan air. Negara Brunei Darussalam secaranya amnya memelihara dan memelihara udang, ikan air tawar dan ikan air laut.

Menurut sumber daripada Jabatan Perikanan, teknik akuakultur ini mula diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada era tahun 1970-an, Jabatan Perikanan mula membuka tapak pertama melalui kaji selidik dan pengembangan yang dilaksanakan di Stesen Ladang Ikan Sungai Jambu khususnya dalam penternakan ikan air tawar.

Pada tahun 2020, sektor akuakultur semakin berkembang pesat dengan penggunaan teknologi baharu yang diperkenalkan untuk meningkatkan penghasilan keluaran ternakan. Dengan adanya perkhidmatan dan pemboleh cara yang telah disediakan oleh Jabatan Perikanan. Para penternak tempatan secara persendirian mahupun syarikat akan diberikan kemudahan yang sepatutnya untuk memulakan atau mengembangkan lagi hasil ternakan atau pemeliharaan.

Jabatan Perikanan menasaskan untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran industri akuakultur yang bernilai BND16.70 juta pada tahun 2017 kepada BND404 juta pada tahun 2020 yang mana pengusaha ternakan udang dan ikan telah berjaya menembusi pasaran luar negara seperti negara Jepun, China, Amerika, Australia, Taiwan dan juga Persatuan Eropah.

Teknik Menternak Ikan Yang Digunakan

Meskipun teknik menternak ikan dalam sangkar luar pantai dan persisiran pantai sering didengar tetapi dengan adanya teknologi baharu pada masa kini ternakan ikan dalam kolam merupakan antara teknologi yang mudah untuk dikawal dan pengurusan ternakan ikan air tawar adalah lebih mudah dilakukan.

Antara teknologi yang digunakan adalah seperti penggunaan HDPE liner bagi melapis kolam tanah, kincir air (*paddlewheel*), mesin pemberian makanan secara automatik (*automatic feeder*) dan juga sistem kitaran air semula (*Recirculation Aquaculture System*) dan *high density intensive aquaculture* yang membolehkan peningkatan produktiviti akuakultur ke tahap yang jauh lebih tinggi dari sistem akuakultur konvensional. Kesedaran mengenai kepentingan amalan baik akuakultur (*Good Aquaculture*

Practices) dalam penjagaan dan pengurusan kolam ternakan juga semakin meningkat dalam kalangan pengusaha tempatan.

Terdapat beberapa jenis ikan air tawar yang ditenak dan dipelihara di negara ini seperti ikan kap, lampam jawa, tilapia dan gurami. Pada tahun 2017, tapak keluasan bagi penternakan ikan air tawar adalah lebih daripada 50 ekar dan pada tahun 2018, di setiap daerah mempunyai beberapa syarikat yang memberi tumpuan kepada penternakan ikan air tawar seperti Syarikat As Fatin Farms di Daerah Brunei dan Muara; Syarikat Commatra Trading di Daerah Tutong; Daerah Belait Small Ponds dan Syarikat Sinaran Suria di Daerah Temburong.

Cabaran

Beberapa cabaran yang dihadapi dalam sektor akuakultur adalah seperti bekalan anak ikan laut yang tidak konsisten dan tidak mencukupi yang mana masih bergantung kepada pengimportan daripada luar; keselamatan operasi luar pantai seperti kejadian kemalangan dan jenayah seperti curi dan sabotaj; produktiviti dan kualiti penghasilan bekalan benih udang /

anak ikan yang masih di tahap rendah dan memerlukan pembaikan terutama purata *survival rate* dan *growth rate*.

Inisiatif

Bagi membantu para penternak dan pelabur-pelabur tempatan ataupun luar negeri, Jabatan Perikanan turut menawarkan khidmat antaranya memberikan taklimat mahupun kursus mengenai teknik-teknik penghasilan ikan air tawar secara lebih efektif dan perkongsian pengetahuan dan kemahiran dalam bagi meningkatkan keluaran ikan-ikan air tawar melalui Seksyen Ternakan Air Tawar dan Ikan Hiasan.

Ia adalah salah satu inisiatif Jabatan Perikanan dalam menyebarkan maklumat, pengenalan dan pengetahuan awal khususnya dalam industri menternak ikan air tawar dan mempromosikan fasiliti-fasiliti serta kemudahan kepada penternak dan pelabur-pelabur tempatan ataupun luar negeri.

Segala langkah dan inisiatif ini adalah dihasratkan untuk mencapai matlamat dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya tahan'.



UNESCO sebulat suara lulus ketetapan mengenai Kota Lama Baitulmaqdis, kawasan temboknya



AMMAN, 8 Dis - Jawatankuasa Luar Negara Majlis Eksekutif UNESCO sebulat suara meluluskan ketetapan mengenai kedudukan Kota Lama Baitulmaqdis dan kawasan temboknya.

Jurucakap Kementerian Luar Jordan, Daifallah Fayeze yang dipetik Agensi Berita Jordan (Petra) sebagai berkata, ketetapan penting itu diluluskan ketika mesyuarat Majlis Eksekutif sesi 210 pada Isnin.

Menurutnya, ia adalah hasil usaha diplomatik Jordan dengan

penyelarasan bersama oleh Palestin, negara Arab dan Islam lain dalam pertubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu.

Fayeze menyatakan resolusi dan lampirannya mengesahkan semua elemen pendirian Jordan mengenai Kota Lama Baitulmaqdis dan temboknya, termasuk tempat suci umat Islam dan Kristian.

Katanya, ketetapan itu dan lampirannya menegaskan kembali bantahan terhadap pencabulan dan tindakan sepihak Israel di kota suci ini.

Resolusi itu juga menuntut Israel menghentikan pencabulan dan tindakan sepihak Israel ke atas Masjid Al-Aqsa dan Tanah Haram dan di kawasan Kota Lama Baitulmaqdis serta kawasan temboknya, tambah Fayeze.

Petra melaporkan bahawa resolusi dan lampiran itu juga menolak semua bentuk tindakan Israel yang bertujuan mengubah karektor dan identiti Kota Suci itu, dan menegaskan kembali 18 resolusi UNESCO sebelum ini berkaitan Baitulmaqdis.

Resolusi UNESCO itu,

kesemuanya menyatakan kekecewaan terhadap kegagalan Israel selaku penceroboh, menghentikan aktiviti penggalian, pembinaan terowong dan semua kerja tidak sah di Baitulmaqdis Timur, seperti yang dituntut undang-undang antarabangsa, kata jurucakap itu.

Laporan Ketua Pengarah UNESCO yang dikemukakan untuk sesi berkenaan menyatakan, ia merujuk kepada surat yang telah

dihantar Jordan dan Palestin kepada organisasi itu berhubung pencabulan di Baitulmaqdis.

Resolusi itu juga menuntut supaya mempercepatkan proses pelantikan wakil tetap Ketua Pengarah UNESCO ke Kota Lama bagi memantau pelaksanaan semua prosedur di bawah mandat pertubuhan serta menggesa penghantaran misi pemantau UNESCO di Baitulmaqdis bagi memantau semua pencabulan Israel, tambahnya. - ©BERNAMA

Empat petugas kesihatan antara 19 kes baharu COVID-19 Thailand

BANGKOK, 8 Dis. - Empat petugas perubatan antara 19 kes baharu positif COVID-19 yang dilaporkan oleh Thailand dalam tempoh 24 jam lepas, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 4,126 kes setakat ini dengan angka kematian kekal 60 kes.

Menurut kenyataan Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) hari ini, kesemua petugas kesihatan terbabit termasuk seorang lelaki, berusia antara 25 dan 40 tahun, bekerja di sebuah fasiliti kuarantin alternatif (ASQ) di sini, dan mereka kini sedang dirawat di sebuah hospital swasta.

Sementara itu, 15 lagi

merupakan kes import termasuk enam wanita Thai berusia 24 hingga 37 tahun yang bekerja di sebuah pusat hiburan di Tachileik, sebuah bandar di sempadan Myanmar, dan pulang ke tanah air melalui saluran yang sah.

"Mereka diuji positif pada hari pertama hingga hari keempat kuarantin wajib di Chiang Mai," demikian menurut kenyataan itu. CCSA berkata turut diuji positif COVID-19 ialah seorang suri rumah warga Thai berusia 21 tahun yang menyusup masuk ke Chiang Rai dari Myanmar.

Baki kes melibatkan seorang banduan wanita warga Thai yang

dihantar balik dari negara luar serta tujuh warga asing yang tiba di negara ini dan sedang menjalani kuarantin di ASQ.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Anutin Charnvirakul yang juga Menteri Kesihatan Awam, berkata kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang menyusup masuk dan mengelak kuarantin wajib.

Katanya mereka bukan sahaja melanggar undang-undang imigresen dan penyakit berjangkit, tetapi turut menjejaskan keselamatan orang lain.

- ©BERNAMA

PBB isytihar 27 Disember sebagai 'Hari Kesiapsiagaan Wabak Antarabangsa'

WASHINGTON, 8 Dis - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Isnin mengisytiharkan 27 Disember sebagai "Hari Kesiapsiagaan Wabak Antarabangsa" berikutan wabak maut itu kini meragut lebih sejuta nyawa sejak pertama kali dikesan hampir setahun lalu, lapor Agensi Anadolu.

Perhimpunan Agung mengisytiharkan hari itu bagi "memperlihatkan peri pentingnya pencegahan, persediaan dan perkongsian dalam usaha memerangi wabak," kata PBB dalam satu

kenyataan.

Pengisytiharannya dibuat beberapa hari selepas ratusan pemimpin dunia menyertai sesi khas mengenai COVID-19 yang diadakan secara maya.

Sesi yang berlangsung pada Khamis dan Jumaat itu menggesa tindakan segera untuk menjamin pengedaran vaksin COVID-19 yang adil dan saksama bagi memastikan semua pihak dapat menikmati kemudahan berkenaan.

Tambah kenyataan itu lagi COVID-19 bukanlah wabak pertama mahupun yang terakhir.

"Wabak itu mengejutkan kita semua dan menjadi amaran untuk kita segera bertindak dan tingkatkan tahap kesiapsiagaan," menurut kenyataan itu yang dibacakan Duta Vietnam ke PBB Dang Dinh Quy.

Di seluruh dunia, jumlah korban COVID-19 kini melebihi 1.5 juta sejak virus itu pertama kali dikesan di Wuhan, China pada Disember tahun lalu.

Jumlah jangkitan pula melepasi 67.5 juta manakala lebih 43 juta lagi sudah pulih, menurut data Johns Hopkins University. - ©BERNAMA

Nigeria : 68 maut, 129,000 penduduk terjejas akibat banjir

ANKARA, 8 Dis - Sekurang-kurangnya 68 orang meninggal dunia akibat banjir yang melanda beberapa wilayah di Nigeria tahun ini, manakala kira-kira 129,000 lagi terjejas, lapor Agensi Berita Anadolu memetik media tempatan pada Isnin.

"Banjir tahun ini sudah mengorbankan 68 nyawa, menjejaskan 35 negeri termasuk FCT (Wilayah Ibu Kota Persekutuan), 320 LGA (kawasan kerajaan tempatan) dan lebih 129,000 orang," lapor laman web

Premium Times memetik Ketua Agensi Pengurusan Kecemasan Negara (NEMA), Muhammadu Muhammed, pada satu acara di bandar Abuja, Isnin.

"Ia menyebabkan kehilangan nyawa dan rumah serta tanah ladang di seluruh negeri turut musnah, sehingga beri kesan negatif terhadap keselamatan makanan," tambahnya.

Beliau mengatakan agensinya bertekad untuk menyokong dan membantu agensi kecemasan negeri untuk bertindak balas terhadap bencana, menurut laporan

itu.

Krisis itu diburukkan lagi dengan iklim Nigeria yang mengalami perubahan yang mencetuskan masalah antaranya kenaikan paras air laut dan banjir, peningkatan suhu, hujan tidak menentu, kejadian cuaca melampau yang lebih kerap; mempengaruhi sumber air tawar dan kehilangan kepelbagaian alam," menurut kajian Oktober 2019 yang diterbitkan Institut Kajian Pembangunan di University of Nigeria, Nsukka. - ©BERNAMA

Jepun umum pakej rangsangan ekonomi tambahan bernilai US\$700 bilion

TOKYO, 8 Dis - Perdana Menteri Jepun Yoshihide Suga pada Selasa berkata Jepun akan menyusun satu pakej rangsangan ekonomi tambahan, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Kami akan mempertahankan pekerjaan, meneruskan perniagaan, menghidupkan kembali ekonomi dan membuka jalan menuju pertumbuhan termasuk melalui teknologi hijau dan digital," kata Suga pada mesyuarat kerajaan dan parti pemerintah.

Pakej bernilai US\$707 bilion itu disusun bertujuan untuk membantu mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi akibat COVID-19.

Kabinet dijangka meluluskan pakej rangsangan itu dalam waktu terdekat. - ©BERNAMA

Rakyat Brazil ditawarkan vaksin percuma

MOSCOW, 8 Dis - Rakyat Brazil bakal ditawarkan vaksin COVID-19 secara percuma, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik pengumuman Presiden Jair Bolsonaro.

"Sekiranya terdapat perakuan ANVISA (panduan saintifik dan perakuan undang-undang), pemerintah Brazil akan menawarkan vaksin kepada seluruh penduduk secara percuma dan tidak diwajibkan," ciap Bolsonaro di Twitter pada Isnin.

Presiden menambah, kementerian ekonomi mempunyai sumber yang mencukupi untuk memastikan setiap penduduk berpeluang mendapatkan vaksin.

Awal bulan ini, pihak berkuasa kesihatan Brazil mengumumkan negara itu akan mendapatkan kumpulan pertama daripada 15 juta dos vaksin COVID-19 Universiti Oxford dan AstraZeneca dalam dua bulan pertama 2021. Sejumlah 100 juta dos dijangka tiba pada separuh pertama tahun depan.

Menurut Menteri Kesihatan Eduardo Pazuello, 160 juta dos vaksin akan dihasilkan di Brazil pada separuh kedua 2021.

Brazil negara ketiga di dunia yang mencatatkan kes COVID-19 paling tinggi, dengan lebih 6.6 juta kes disahkan.

Sementara jumlah kematian di negara itu dilaporkan melebihi 177,300, kedua tertinggi di dunia selepas Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

Resolusi PBB gesa Rusia undur dari Crimea

ANKARA, 8 Dis. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa meluluskan resolusi yang menggesa Rusia mengakhiri pencerobohannya di Crimea dan berundur dari Ukraine, lapor Agensi Anadolu.

"Ia mendesak Persekutuan Rusia, sebagai penceroboh, segera, menarik balik sepenuhnya dan tanpa syarat pasukan tenteranya dari Crimea dan menamatkan pencerobohan sementara di wilayah Ukraine secepat mungkin," kata PBB dalam satu kenyataan.

Wakil Ukraine yang membacakan teks mengenai perkara itu berkata dengan penceroboh Crimea, Rusia melanggar undang-undang antarabangsa, dan mengancam "keamanan serta keselamatan di luar wilayah Laut Hitam."

Sementara itu, Rusia menyifatkan kandungan teks itu sengaja "dipolitikkan" dan penduduk Crimea telah memutuskan masa depan mereka melalui pungutan suara.

Rusia dan Ukraine telah bertelagah sejak 2014 apabila Rusia menduduki Crimea selepas satu pungutan suara kontroversi. Perhimpunan Agung PBB menganggap pendudukan tersebut sebagai tidak sah. Kyiv menyalahkan Moscow atas satu lagi keganasan yang berlaku di timur Ukraine berdekatan sempadan Rusia. - ©BERNAMA



Pembangkok mendahului keputusan awal pilihan raya Romania

MOSCOW, 7 Dis. - Parti pembangkang Romania, Parti Sosial Demokratik mendahului pilihan raya parlimen dengan 29.8

peratus undi selepas 95 peratus kertas undi dikira, menurut stesen penyiar negara Digi 24 pada Isnin, memetik data rasmi Pihak

Berkuasa Tetap Pilihan Raya negara itu.

Menurut keputusan awal, parti konservatif yang berkuasa, Parti Liberal Nasional memperoleh 25.11 peratus dan parti gabungan sayap kanan USR-PLUS menerima 14.5 peratus undi, lapor

agensi berita Sputnik.

Dua lagi parti dijangka melepasi perbezaan lima peratus untuk dipilih ke parlimen - Alliance for Romanian Unity (8.7 peratus) dan Democratic Alliance of Hungarians di Romania (enam peratus).

Jumlah peratusan keluar mengundi agak rendah kerana pandemik COVID-19 iaitu di bawah 30 peratus. Pada Ahad, rakyat Romania mengundi bagi memilih 136 anggota parlimen dan 329 anggota majlis perundangan. - ©BERNAMA

Venezuela : Maduro kembali kuasai parlimen

ANKARA, 7 Dis. - Pilihan raya Venezuela yang berlangsung pada Ahad menyaksikan Presiden Nicolas Maduro kembali menguasai Parlimen, selepas parti PSUV (Parti Sosialis Bersatu Venezuela) memperoleh 67.6 peratus undi.

Menurut pengumuman Majlis Pilihan Raya (CNE) pada Isnin sebanyak 82.35 peratus undi telah dikira daripada lebih 5.2 juta undi, mewakili hanya 31 peratus pemilih berdaftar dalam pilihan raya yang diboikot parti pembangkang utama, lapor Agensi Anadolu.

Pilihan raya melibatkan sekitar 14,000 calon bertanding itu telah memberi kuasa kepada Maduro untuk mengetuai Parlimen yang mempunyai 227 kerusi. Timbalan yang dipilih akan memegang jawatan bermula 5 Januari 2021 untuk tempoh lima tahun. - ©BERNAMA

Mogok di seluruh India sokong tuntutan petani

NEW DELHI, 8 Dis. - Mogok umum di seluruh negara pada Selasa menjejaskan perkhidmatan pengangkutan dan aktiviti perniagaan di kebanyakan kawasan di India, apabila kesatuan sekerja dan parti pembangkang memberikan sokongan kepada petani yang membantah undang-undang pertanian persekutuan baharu.

Berikutan itu, anggota polis dikerahkan ke beberapa negeri untuk menjaga ketenteraman. Aktivis turut berpiket di pasar dan stesen kereta api selain berarak di banyak bandar di Andhra Pradesh, Bihar, Odisha, Benggala Barat, Maharashtra serta beberapa negeri lain.

Menurut laporan media tempatan, lalu lintas di jalan utama yang menghubungkan New Delhi ke Haryana dan Uttar Pradesh turut terganggu.

Kumpulan petani menuntut "Bharat Bandh" atau penutupan seluruh India, untuk memberi tekanan kepada pemerintah supaya menarik balik tiga undang-undang pro-pasaran yang baharu diluluskan yang menurut mereka akan menjejaskan pendapatan petani dan menguntungkan syarikat besar.

Petani dari negeri Punjab yang kaya dengan hasil pertanian paling lantang menentang undang-undang baharu itu. Parti Bharatiya Janata (BJP) yang berkuasa mengatakan langkah itu akan meningkatkan pendapatan ladang dan mereka yang menentangannya sebenarnya keliru.

Rundingan antara wakil petani dan kerajaan setakat ini menemui jalan buntu dan rundingan baharu dijadual diadakan pada Rabu. - ©BERNAMA

Somalia komited adakan pilihan raya yang aman - PM

GAROWE (Somalia), 8 Dis. - Perdana Menteri Somalia, Mohamed Hussein Roble pada Isnin berkata kerajaan komited untuk mengadakan pilihan raya yang aman, lapor Agensi Berita Anadolu.

"Kerajaan persekutuan Somalia komited untuk mengadakan pilihan raya yang aman, lancar dan telus," kata Roble selepas menghadiri Forum Perkongsian Somalia, di bandar raya Mogadishu.

Pilihan raya parlimen sepatutnya diadakan pada 1 Disember seperti dipersetujui kerajaan pusat dan enam negeri pada awal tahun ini.

Proses pengundian masih akan dijalankan mengikut sistem undian tidak langsung berasaskan puak sedia ada, kerana pengundian satu undi satu suara belum dapat diadakan.

Jumlah perwakilan yang akan memilih ahli parlimen persekutuan adalah seramai 101 orang dari setiap negeri dan pemilihan akan berlangsung di dua lokasi di setiap negeri.

"Perjanjian elektoral yang dicapai baru-baru ini antara FGS (Kerajaan Persekutuan Somalia) dan anggota persekutuan negeri menandakan kemuncak kesepakatan politik yang juga akan melindungi kuota 30 peratus wanita dan akan menjadi panduan untuk pelaksanaan pilihan raya akan datang," kata Roble.

Jawatankuasa pilihan raya persekutuan yang dibentuk untuk menguruskan proses pilihan raya itu ditolak Majlis Kesatuan Calon Presiden, kerana tidak melibatkan pegawai agensi perisikan dan keselamatan negara.

Menurut pembangkang pilihan raya tidak dapat diadakan pada tarikh sepatutnya kerana kurangnya kesepakatan di antara pihak-pihak yang berkepentingan dan mendakwa kerajaan sebenarnya tidak ikhlas untuk mengadakan pilihan raya yang bebas.

Parlimen negara ini mempunyai 275 kerusi. Sementara itu, pilihan raya presiden dijadual berlangsung pada Februari 2021. - ©BERNAMA

Industri pembuatan China terus berkembang pesat

BEIJING, 7 Dis. - Jabatan Statistik Negara (NBS) China mengumumkan Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) bagi sektor pembuatan, bukan pembuatan dan PMI bersepadu, masing-masing mencatatkan perkembangan positif pada November berbanding bulan sebelumnya.

PMI sektor pembuatan merekodkan 52.1 peratus peningkatan sebanyak 0.7 peratus, perniagaan bukan pembuatan pula mencatatkan 56.4 peratus menokok 0.2 peratus manakala PMI bersepadu pada kadar 55.7 peratus meningkat 0.4 peratus.

Reuters dalam laporannya menyifatkan peningkatan itu sebagai "pertumbuhan industri pembuatan paling pesat dalam tiga tahun lalu". Indeks ini memperlihatkan bahawa industri

pembuatan China sudah pulih kepada tahap sebelum pandemik COVID-19.

Bloomberg News pula yang memetik hasil tinjauan terkini Bank HSBC melaporkan, China mengatasi Amerika Syarikat (AS) dan menjadi pasaran luar negara terbesar di rantau Asia Pasifik. Wabak COVID-19 sedang mempercepat pengubahsuaian struktur ekonomi global secara menyeluruh.

Menurut tinjauan Peterson Institute for International Economics, pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan membawa peningkatan eksport global sebanyak USD500 bilion menjelang 2030. Justeru, peranan China dalam pengeksportan global akan

semakin ketara.

Akhbar Financial Express India melaporkan pemulihan ekonomi China turut merangsang ekonomi global ketika dunia menghadapi perubahan besar dan wabak COVID-19 yang masih menular.

Pembangunan ekonomi China akan memberikan manfaat kepada negara-negara lain, khususnya negara yang terlibat dengan inisiatif Jalur dan Laluan (BRI).

Selain itu, pasaran domestik China yang kian meluas dan dasar keterbukaan yang diamalkan China membantu mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi dunia.

Kejayaan China dalam ekonomi digital pula menyuntik peluang baharu kepada syarikat asing yang bertapak di negara itu. - ©BERNAMA

Rondaan bersama Sungai Mekong Kali Ke-100 bakal dilancar

BEIJING, 7 Dis. - Program rondaan bersama kali ke-100 di Sungai Mekong antara China, Laos, Myanmar dan Thailand akan dilancarkan pada 10 Disember.

Menurut sidang akhbar yang diadakan di Kunming, wilayah Yunnan pada Ahad, sebanyak 99 kali rondaan berjaya dijalankan bersama oleh keempat-empat negara sejak 2011.

Rondaan itu telah memberikan jaminan keselamatan kepada lebih 2,000 buah kapal, menyelamatkan 536 orang dari 130 buah kapal

pedagang yang diancam bahaya dan mengelakkan kerugian ekonomi sebanyak RMB188 juta (RM117.46 juta).

Tiada lagi kes penculikan kapal kargo di Sungai Mekong dilaporkan berlaku dan jumlah pengendalian kontena di pelabuhan meningkat dua kali ganda, manakala kedatangan pelancong meningkat 20 peratus secara purata setiap tahun.

Di samping itu China, Laos, Myanmar dan Thailand turut mempergiat kerjasama penguatkuasaan undang-undang

dan merapatkan kerjasama dalam pelbagai sektor.

Agensi penguatkuasaan undang-undang di empat negara itu turut melakukan operasi membanteras sindiket jenayah, penyeludupaan dadah dan mengawal keselamatan di kawasan sempadan.

Rondaan bersama itu membantu memelihara keselamatan dan kesejahteraan di kawasan sepanjang Sungai Mekong selain menjadi contoh kerjasama penguatkuasaan undang-undang serantau. - ©BERNAMA

Kapal kargo Turki ditahan Tentera Haftar

TRIPOLI, 8 Dis. - Sebuah kapal Turki mengangkut ubat-ubatan menuju ke pelabuhan Misrata di Libya ditahan pada awal Selasa oleh pasukan tentera yang setia kepada panglima perang Khalifa Haftar, lapor Agensi Anadolu.

Tentera Haftar turut menahan 17 anak kapal, termasuk sembilan rakyat Turki, kerana mendakwa mereka tidak mematuhi arahan. Jurucakap Haftar Ahmed Al-Mismari, di akaun media sosialnya berkata kapal kargo komersial Mebruka yang didaftarkan di Jamaica itu dikatakan milik rakyat Turki, ditahan militia Haftar.

Militia itu mendakwa kapal berkenaan memasuki kawasan larangan dan tidak menghiraukan arahan dan kemudian bertindak meninggalkan pelabuhan Ras

al-Hilal. Al-Mismari menambah kapal itu "disiasat dan diperiksa kerana melanggar peraturan dan undang-undang maritim."

Beliau juga memberitahu saluran televisyen Al-Hadath bahawa kapal itu sarat dengan muatan ubat-ubatan untuk diangkut ke pelabuhan Misrata tetapi telah memasuki kawasan larangan. Mismari berkata selepas arahan tidak dihiraukan, pihaknya "menghampiri kapal itu dan membuat pemeriksaan."

Hasil pemeriksaan mendapati kapten tidak mematuhi prosedur dan memasuki kawasan larangan tanpa kebenaran, katanya, sambil menambah tiada senjata dijumpai. Menurut maklumat kru kapal berada dalam keadaan baik.

Prosedur sama itu turut dikenakan ke atas kapal-kapal lain

di wilayah itu tetapi belum ada kapal yang disita dan didenda kerana memasuki kawasan larangan. Libya dilanda perang saudara sejak pemerintahan Muammar Gaddafi digulingkan pada 2011.

Berpangkalan di bandar Tripoli dan dipimpin oleh Perdana Menteri Fayed al-Sarraj, Kerajaan Perpaduan Libya ditubuhkan pada 2015 di bawah perjanjian yang dipimpin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi usaha penyelesaian politik jangka panjang gagal kerana serangan militan Haftar.

Pemerintah Al-Sarraj diiktiraf PBB sebagai pihak berkuasa Libya yang sah. Tripoli telah memerangi militan Haftar sejak April 2019 dalam kancan konflik yang telah meragut ribuan nyawa. - ©BERNAMA

Kes COVID-19 di seluruh dunia kini melebihi 67 juta

MOSCOW, 7 Dis. - Jumlah kes COVID-19 yang disahkan di seluruh dunia kini sudah mencecah lebih 67 juta, menurut data terbaru Johns Hopkins University.

Pada Isnin terdapat 67,004,543 kes dengan angka kematian sebanyak 1,535,038 manakala jumlah individu yang pulih seramai 43,032,444, lapor agensi berita Sputnik.

Amerika Syarikat, India dan Brazil kekal tiga negara teratas daripada segi jumlah kes diikuti Rusia berada di tempat keempat dengan lebih 2.4 juta kes. - ©BERNAMA

EU bakal lulus rejim sekatan baharu

BRUSSELS, 7 Dis. - Menteri Luar Kesatuan Eropah (EU) akan mengadakan mesyuarat di Brussels pada Isnin, untuk meluluskan kerangka dokumen bagi memudahkan pelaksanaan sekatan untuk mana-mana negara yang didapati melanggar hak asasi manusia, lapor agensi berita Sputnik.

Sebelum ini, dokumen itu telah diluluskan di peringkat perwakilan

tetap EU.

Penerimaan rejim sekatan baharu itu disyorkan setahun lalu oleh Perwakilan Tinggi EU untuk Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Josep Borrell. EU membandingkannya dengan Akta Magnitsky Amerika Syarikat (AS).

Bagaimanapun, ketua diplomasi EU menjelaskan sistem baharu itu bukan untuk ditujukan kepada



negara tertentu, tidak seperti tindakan AS, ia tertakluk di dalam EU sahaja. Langkah-langkah sekatan itu antaranya pembekuan aset dan larangan masuk.

Beliau turut mengatakan EU tidak merancang untuk mengenakan sekatan yang membahayakan rakyat, seperti sekatan AS terhadap Iran.

Mekanisme sedia ada tidak bersifat global dan menyasarkan sekatan bergantung kepada situasi di negara-negara tertentu. - ©BERNAMA

Beras Vietnam antara terbaik dunia pada 2020

HANOI, 7 Dis. - Beras ST25 Vietnam memenangi tempat kedua pertandingan terbaik dunia 2020, yang berlangsung sempena Persidangan Beras Sedunia ke-12 di Amerika Syarikat dari 1 hingga 3 Disember.

Jasmine 105 Thailand di tempat pertama dan beras Kemboja di kedudukan ketiga, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA) pada Isnin.

Dikatakan ST25 adalah beras yang dikembangkan oleh sekumpulan tiga pakar di wilayah Delta Mekong, Soc Trang. Pada edisi 2019 di Manila, ST25 merangkul tempat pertama. - ©BERNAMA

Australia : Pelajar, guru cedera disambar petir

SYDNEY, 8 Dis. - Sekumpulan 13 pelajar dan dua guru sebuah sekolah di Australia dimasukkan ke hospital selepas cedera akibat disambar petir pada Selasa, lapor Agensi Berita Xinhua.

Kejadian berlaku kira-kita 1.30

petang ketika pelajar berusia antara 10 dan 12 tahun itu sedang bermain di padang.

Kesemua mangsa dihantar ke hospital berdekatan dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil, kata jurucakap Perkhidmatan

Ambulans Queensland (QAS).

Pengetua Sekolah Leanne Ibell dalam satu kenyataan berkata ketika kejadian pelajar sedang beredat dari padang dan cuaca tidak hujan ketika itu. - ©BERNAMA

Serangan penggodaan kian canggih, ancam lebih banyak teknologi - Pakar IT

MOSCOW, 7 Dis. - Serangan penggodaan yang kian canggih dan berkembang boleh mencetuskan risiko ancaman lebih meluas kepada teknologi, kata ketua syarikat keselamatan teknologi maklumat (IT) Kaspersky Lab, Eugene Kaspersky, dalam satu temu bual bersama Sputnik.

"Serangan akan berkembang dengan lebih rumit, semakin banyak teknologi akan diserang, apa dan bagaimana - bukan kita yang dapat menentukannya," kata Kaspersky.

Kaspersky berkata beberapa aliran lain, seperti jenayah siber juga akan berleluasa, munculnya "cybergangs" yang sangat profesional serta peningkatan serangan siber terhadap infrastruktur.

Pakar IT tidak pasti sama ada pertumbuhan harga Bitcoin akan mendorong kepada lebih banyak serangan kerana pada dasarnya penjenayah tidak bergantung kepada harga Bitcoin.

Dengan kemunculan pelbagai aliran teknologi baharu, seperti blok rantai, internet benda, pembelajaran mesin, dan peningkatan automasi, sistem keselamatan yang ketat semakin penting, kerana penjenayah tahu mereka boleh mendapat keuntungan dengan melakukan aktiviti haram dan hanya perlu perbaiki apa yang mereka sedang lakukan sekarang. - ©BERNAMA

Tottenham benam Arsenal 2-0

ISTANBUL, 7 Dis. - Tottenham Hotspur mengalahkan Arsenal 2-0 dalam perlawanan Liga Perdana Inggeris pada Ahad, lapor Agensi Anadolu.

Tottenham memecah kebuntuan pada minit ke-13 apabila penyerang Korea Selatan, Son Heung-min membolosi gawang lawan dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium Tottenham Hotspur, di utara London.

Penyerang Harry Kane menambah jaringan pada minit ke-45 bagi memastikan kelabnya mendahului dengan selesa.

Tottenham Hotspur kekal di puncak liga dengan 24 mata, sementara Arsenal turun ke tangga ke-15 dengan 13 mata. - ©BERNAMA

Kebakaran besar hutan di Australia, lebih 60,000 koala terancam

SYDNEY, 7 Dis. - Pelbagai spesies haiwan di Australia, termasuk lebih 60,000 koala kini terancam disebabkan kebakaran hutan, lapor agensi berita Xinhua.

Menurut kumpulan alam sekitar, World Wide Fund for Nature Australia (WWF-Australia), kebakaran itu menyebabkan

kemusnahan teruk terhadap habitat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Australia, Dermot O'Gorman berkata kejadian itu "satu daripada bencana hidupan liar terburuk dalam sejarah moden."

Beliau menambah jumlah

haiwan yang terjejas dianggarkan hampir tiga bilion, termasuk mamalia, burung dan reptilia.

Musim kebakaran hutan Australia 2019-2020, juga dikenali sebagai "musim panas hitam," adalah tempoh kebakaran hutan yang luar biasa di banyak kawasan di negara ini. - ©BERNAMA

Yaman gesa senaraikan pemberontak Houthi dalam daftar pengganas

YAMAN, 7 Dis. - Yaman meminta masyarakat antarabangsa segera menyenaraikan kumpulan Houthi ke dalam daftar pengganas, lapor Agensi Anadolu memetik agensi berita Saba.

Naib Presiden Yaman Ali Mohsen Saleh bertemu Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) untuk Hal Ehwal Near East, David Schenker pada Ahad di Riyadh.

Dalam pertemuan itu, Saleh mendakwa puak Houthi

melakukan serangan peluru berpandu balistik dan dron ke bandar-bandar di Yaman dan negara jiran Arab Saudi.

"Tingkah laku Houthi itu memerlukan masyarakat antarabangsa bertindak balas kepada tuntutan untuk menghukum kumpulan itu dan segera menyenaraikannya ke dalam senarai pengganas," kata Saleh.

Setakat ini Houthi belum memberikan sebarang kenyataan

berhubung perkara itu. Yaman dicengkam keganasan dan kekacauan sejak 2014, ketika pemberontak Houthi menguasai banyak negeri, termasuk ibu kota Sanaa.

Lebih 100,000 rakyat termasuk orang awam, dipercayai terbunuh dalam konflik itu dan menyebabkan Yaman dilanda krisis kemanusiaan terburuk di dunia, dengan jutaan penduduk berdepan risiko kebuluran. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

ELEMEN senaman dalam yoga didapati amat bermanfaat menerusi pelbagai kajian dan penyelidikan di negara Barat. Yoga berasal dari India dan ia adalah salah satu jenis olahraga.

Asana (pose) dalam yoga dilakukan menggunakan sistem pernafasan yang betul dan membantu meningkatkan tahap oksigen ke otak membuatkan awda lebih gembira dan positif.



ePaper Pelita Brunei

Piala Suzuki AFF dijadual semula Disember 2021



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Disember. - Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) hari ini mengumumkan bahawa Kejohanan Bola Sepak Piala Suzuki AFF yang pada awalnya dijadualkan berlangsung pada November 2020 akan diadakan pada bulan Disember 2021.

Keputusan tersebut mencerminkan keutamaan berterusan AFF terhadap kesihatan dan keselamatan semua orang, di samping itu untuk memberikan kepastian yang lebih besar kepada semua pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam kejohanan tersebut, termasuk Member Associations AFF, pasukan, pemain dan pegawai, rakan komersial dan

juga peminat.

Presiden AFF, Mejar Jeneral Khiev Sameth menyatakan bahawa keutamaan mereka adalah kesihatan dan keselamatan semua orang yang berkaitan dengan kejohanan tersebut.

Oleh itu, pihak AFF terus memantau perkembangan COVID-19, baik di dalam ASEAN mahupun di dunia yang lebih luas.

Jelasnya, walaupun ada hasil yang menggembirakan dalam pengembangan vaksin, pihak AFF mengambil maklum bahawa proses penerimaan vaksin serta praktik pengedaran dan pelaksanaan program vaksin di seluruh dunia, termasuk ASEAN

PERSEKUTUAN Bola Sepak ASEAN (AFF) mengumumkan Kejohanan Bola Sepak Piala Suzuki AFF yang pada awalnya dijadualkan berlangsung pada November 2020 akan diadakan pada Disember 2021.

akan memakan waktu.

Menurutnya, berikutan jadual bola sepak yang padat untuk tahun 2021, termasuk acara antarabangsa dan domestik yang telah diadakan sejak tahun 2020 menjadikan pengajuran kejohanan tersebut pada bulan Disember sebagai waktu yang ideal.

Beliau juga mengumumkan kejohanan akan bermula pada 5 Disember dan bermula pada 1 Januari 2022, pihak AFF akan memberikan peluang terbaik untuk menganjurkan kejohanan

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Bola Sepak ASEAN

tersebut dalam format penuh dengan format *home and away* di peringkat kumpulan dan juga perlawanan kalah mati dengan suasana stadium yang penuh dengan peminat untuk memberi galakan kepada pasukan masing-masing.

Kejohanan tersebut pada awalnya dijadualkan berlangsung pada bulan April - Mei tahun depan, AFF Suzuki Cup

merupakan kejohanan bola sepak terbesar dan berprestij di Asia Tenggara yang menyaksikan pasukan kebangsaan 'A' di wilayah ini bersaing merebut gelaran juara.

AFF akan terus bekerjasama erat dengan Member Associations dan rakan kongsi untuk terus mengemas kini lebih lanjut mengenai kejohanan tersebut sebaik sahaja mereka bersedia.

Perlawanan persahabatan erat silaturahmi

Berita dan Foto : Ihsan Bengkurong Veteran Badminton Community

LUMUT, Isnin, 7 Disember. - Dalam usaha untuk mengadaptasikan moto 'Kekal Sihat, Kekal Bersatu dan Kekal Bersemangat' khususnya melalui aktiviti-aktiviti bersukan, baru-baru ini, rombongan yang terdiri daripada Ahli-ahli Bengkurong Veteran Badminton Community (BVBC) mengadakan perlawanan persahabatan badminton ke Daerah Belait atas memenuhi undangan Gabungan BSRC dan LLRC Lumut, di Kuala Belait.

Seramai 11 pasangan Beregu Lelaki dan tiga pasangan Beregu

Wanita mengikuti rombongan tersebut dan diketuai oleh Ketua Pasukan BVBC, Awang Haji Abidin bin Haji Kura.

Semasa memberikan ucapan, Awang Haji Abidin bin Haji Kura mengatakan bahawa tujuan perlawanan persahabatan ini ialah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara kedua-dua pasukan yang sememangnya sudah terjalin di samping bagi mengadakan riadah merentas daerah.

Dalam masa yang sama, beliau juga mengucapkan penghargaan terima kasih atas undangan dari

pasukan Gabungan BSRC dan LLRC serta layanan baik yang diberikan oleh pasukan berkenaan.

Sehubungan itu, kedua-dua pasukan berhasrat untuk mengadakan perlawanan persahabatan lagi di masa yang akan datang dan kali ini, pasukan Gabungan BSRC dan LLRC akan diundang serta berkunjung ke Bengkurong bagi perlawanan persahabatan itu nanti.

ROMBONGAN yang terdiri daripada Ahli-ahli Bengkurong Veteran Badminton Community (BVBC) semasa mengadakan perlawanan persahabatan badminton ke Daerah Belait.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LAHIRKAN BELIA KREATIF, INOVATIF SELARI DENGAN TAHAP INTELEK BELIA

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam